

# PROSPEKTUS



## AMANAH SAHAM DARUL IMAN

(Dilancarkan pada 31 Oktober 1994)

Pengurus

**PTB UNIT TRUST BERHAD**

(310155-K)

Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965  
(Subsidiari milik penuh Permodalan Terengganu Berhad)

Pemegang Amanah

**CIMB ISLAMIC TRUSTEE BERHAD**

(167913-M)

**Prospektus ini bertarikh 31 Mei 2017.**

**Pelabur-pelabur adalah dinasihatkan supaya membaca dan memahami isi kandungan Prospektus ini sebelum melabur dalam Tabung Unit Amanah ini. Sekiranya ada sebarang keraguan, sila dapatkan pandangan daripada penasihat profesional.**

**Bagi maklumat berkaitan faktor-faktor risiko tertentu, yang mana patut dipertimbangkan oleh bakal pelabur, sila lihat "Faktor-faktor Risiko" di muka surat 6 Prospektus ini.**

## **KENYATAAN TANGGUNGJAWAB**

Prospektus ini telah disemak dan diluluskan oleh Pengarah-pengarah PTB Unit Trust Berhad, pengurus Tabung Unit Amanah ini dan mereka secara bersama dan berasingan mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas ketepatan semua maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang tertinggal yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam prospektus ini palsu atau mengelirukan.

## **KENYATAAN PENOLAK TUNTUTAN**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memberi kebenaran kepada Tabung Unit Amanah ini dan satu salinan prospektus ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran, dan pendaftaran prospektus ini, tidak boleh dianggap sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Tabung Unit Amanah ini atau bertanggungjawab di atas kebenaran mana-mana kenyataan yang dibuat atau laporan yang dizahirkan di dalam prospektus ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana bahagian yang tidak dizahirkan oleh syarikat pengurusan yang bertanggungjawab ke atas Tabung Unit Amanah ini dan tidak akan bertanggungjawab ke atas isi kandungan prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia juga tidak membuat apa-apa representasi terhadap ketepatan atau kesempurnaan prospektus ini dan dengan nyata menegaskan menolak apa-apa liabiliti yang timbul dari, atau oleh kebergantungan ke atas kesemua atau mana-mana bahagian isi kandungan prospektus ini.

**PELABUR-PELABUR HENDAKLAH MEMBUAT PENELITIAN SENDIRI BAGI MENILAI KEBAIKAN SERTA RISIKO SESUATU PELABURAN. SEKIRANYA TIMBUL KERAGUAN SEMASA MEMPERTIMBANGKAN KEPUTUSAN UNTUK MEMBUAT PELABURAN, PELABUR-PELABUR HENDAKLAH MENDAPATKAN BANTUAN PENASIHAT PROFESIONAL DENGAN SEGERA.**

## **KENYATAAN TAMBAHAN**

Pelabur-pelabur adalah dimaklumkan bahawa mereka boleh mendapatkan hak tuntutan di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* bagi kesalahan melanggar undang-undang sekuriti termasuk apa-apa kenyataan di dalam Prospektus ini yang palsu, mengelirukan, atau daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau bagi apa-apa perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan berhubung dengan Prospektus ini atau kelakuan mana-mana individu lain yang berkaitan dengan Tabung ini.

Amanah Saham Darul Iman telah diperakui sebagai tabung unit amanah patuh Syariah oleh Jawatankuasa Syariah yang telah dilantik untuk tabung ini.

## KANDUNGAN

		<b>Muka Surat</b>
	<b>Takrif Singkatan / Istilah</b>	<b>1 – 2</b>
<b>Bab 1</b>	<b>Maklumat Korporat</b>	<b>3 – 4</b>
<b>Bab 2</b>	<b>Tabung ASDI</b>	<b>5 – 11</b>
	Objektif Pelaburan ASDI	5
	Polisi Pelaburan	5
	Strategi Pelaburan	5
	Faktor-Faktor Risiko	6
	Risiko Khusus Berkaitan Dengan ASDI	7
	Polisi Pengagihan Pendapatan	8
	Tanda Aras Prestasi Pelaburan	8
	Pelaburan Yang Dibenarkan	8
	Had-had Pelaburan	9
	Proses Kelulusan Status Sekuriti Oleh Jawatankuasa Syariah	11
	Zakat ASDI	11
<b>Bab 3</b>	<b>Yuran, Caj Dan Perbelanjaan</b>	<b>12 – 14</b>
	Caj	12
	Yuran	12
	Rebet Dan Komisen	13
<b>Bab 4</b>	<b>Maklumat Urusniaga ASDI</b>	<b>15 – 20</b>
	Asas Penilaian Pelaburan	15
	Penentuan Titik Penilaian Dan Pengiraan Harga-harga Unit	16
	Penetapan Semula Harga-harga Unit	16
	Polisi Satu Harga	16
	Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)	17
	Bagaimana Unit-unit Boleh Dibeli Dan Dijual	18
	Menukar/Memindah Milik Unit-unit	18
	Tempoh Penelitian	19
	Di Mana Unit-Unit Boleh Dibeli	19
	Kaedah Pembayaran Pengagihan Pendapatan	20
	Wang Yang Tidak Dituntut	20
<b>Bab 5</b>	<b>Pengurusan Dan Pentadbiran Tabung ASDI</b>	<b>21 – 24</b>
	Profil Korporat Pengurus	21
	Lembaga Pengarah	21
	Jawatankuasa Pelaburan	21
	Pengurusan Pelaburan ASDI	22
	Jawatankuasa Syariah	22
<b>Bab 6</b>	<b>Pemegang Amanah</b>	<b>25 – 26</b>
	Maklumat Korporat	25
	Pengalaman	25
	Tugas Dan Tanggungjawab Pemegang Amanah	25
	Kenyataan Tanggungjawab Pemegang Amanah	26
	Pendakwaan Dan Pengadilan	26
	Wakil Pemegang Amanah	26
	Obligasi Pemegang Amanah	26



<b>Bab 7</b>	<b>Terma-Terma Ketara Surat ikatan</b>	<b>27 – 30</b>
	Hak Pemegang Unit	27
	Sekatan Pemegang Unit	27
	Tanggungan Pemegang Unit	27
	Yuran Dan Caj Maksima Yang Dibenarkan	27
	Kenaikan Kadar Yuran Dan Caj Daripada Kadar Yang Dinyatakan Dalam Prospektus dan Kadar Maksima Surat Ikatan	28
	Perbelanjaan Yang Dibenarkan	28
	Persaraan, Pemecatan Atau Penggantian Pengurus	28
	Persaraan, Pemecatan Atau Penggantian Pemegang Amanah	29
	Penamatan Tabung Amanah	29
	Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit	30
<b>Bab 8</b>	<b>Syarat-Syarat Dan Kelulusan</b>	<b>31</b>
<b>Bab 9</b>	<b>Transaksi Pihak Berkaitan / Percanggahan Kepentingan</b>	<b>32</b>
<b>Bab 10</b>	<b>Percukaian</b>	<b>33 - 38</b>
<b>Bab 11</b>	<b>Maklumat-Maklumat Tambahan</b>	<b>39</b>
	Maklumat Perkembangan ASDI	39
	Perkhidmatan Pelanggan	39
	Surat Ikatan Tabung	39
	Tahun Kewangan Tabung	39
<b>Bab 12</b>	<b>Dokumen Yang Boleh Didapati Untuk Pemeriksaan</b>	<b>40– 41</b>



## TAKRIF SINGKATAN / ISTILAH

Di dalam Prospektus ini, sekiranya tidak dinyatakan sebaliknya, singkatan atau istilah berikut akan membawa maksud seperti yang dinyatakan di bawah ini:

Akta	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
ASDI atau Tabung	Amanah Saham Darul Iman
BNM	Bank Negara Malaysia
BPA	' <i>Bond Pricing Agency</i> ' / Agensi Penetapan Harga Bon
Bursa Malaysia	Bursa Malaysia Berhad
Bursa Securities	Bursa Malaysia Securities Berhad
CBP	Cukai Barang dan Perkhidmatan / ' <i>Goods and Services Tax</i> ' (GST)
FIMM	Federation of Investment Managers Malaysia
Garis panduan	Garis panduan Tabung Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bertarikh 3 Mac 2008 serta pindaan-pindaan yang diterbitkan dari semasa ke semasa.
Harga Unit-unit	Harga untuk membeli unit dan/atau menjual balik ialah pada NAB seunit Tabung.
Hari Perniagaan	Hari di mana Bursa Securities berurusniaga.
Hari Urusniaga	Hari di mana Pengurus berniaga.
Jangkamasa Terakru	Setiap tempohmasa dua belas (12) bulan berakhir pada 31 Oktober setiap tahun kecuali Jangkamasa Terakru pertama yang bermula pada tarikh Surat ikatan dan berakhir pada 31 Oktober 1995.
Mesyuarat Agung Luarbiasa	Mesyuarat Pemegang Unit yang dipanggil oleh Pengurus atas permintaan tidak kurang daripada 50 atau satu per sepuluh jumlah pemegang unit, yang mana lebih rendah.
Nilai Aset Bersih atau NAB	Nilai semua aset Tabung ditolak nilai semua liabiliti Tabung pada tarikh penilaian.
NAB Seunit	NAB dibahagi dengan bilangan unit dalam edaran pada Hari Perniagaan.
Nilai Aset Kasar	Nilai Aset sebelum ditolak Yuran Pengurusan dan Yuran Pemegang Amanah pada tarikh penilaian.
NDP	Nisbah Dagangan Portfolio.
NPP	Nisbah Perbelanjaan Pengurus.
Pemegang Amanah	CIMB Islamic Trustee Berhad.



Amanah Saham Darul Iman

Pemegang Unit atau Pemegang-pemegang Unit	Individu dan/atau institusi yang masih didaftarkan di bawah peruntukan Surat ikatan sebagai pemegang kepada unit-unit ASDI termasuk Pengurus dan Pemegang Bersama.
Pemegang Bersama	Individu yang pada sesuatu ketika memegang unit-unit atau pecahan unit di bawah peruntukan Surat ikatan bersama individu lain. Pemegang Bersama tidak semestinya didaftarkan sebagai Pemegang Unit atau pecahan unit di atas sijil kerana hanya nama pemohon pertama di dalam Borang Permohonan akan didaftarkan sebagai Pemegang Unit.
Pengagihan Pendapatan	Perolehan bersih Tabung (jika ada) yang diagihkan kepada pemegang-pemegang unit sama ada dalam bentuk tunai dan/atau unit-unit tambahan pada akhir setiap Jangkamasa Terakru.
Pengurus atau PUTB	PTB Unit Trust Berhad.
Portfolio	Sektor pelaburan yang dibenarkan oleh Tabung iaitu: (1) sektor ekuiti – sekuriti ekuiti tersiarharga dan sekuriti ekuiti tidak tersiarharga. (2) sektor pasaran wang – instrumen kewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan. (3) Sektor bon - sekuriti bon dan instrumen pendapatan tetap berteraskan syariah. (4) Sektor sekuriti di pasaran asing - sekuriti di pasaran asing di mana pihak berkuasa pasaran asing tersebut adalah ahli Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO).
Resolusi Mesyuarat Agung Luar Biasa	Usul yang diterima dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Luar Biasa.
RM dan Sen	Ringgit Malaysia dan Sen.
Saham mewah	Saham bermutu tinggi yang dapat memberikan pulangan dividen yang baik
Sekuriti Boleh Pindah (Transferable Securities)	Ekuiti, debentur dan waran.
Sukuk	Instrumen pembiayaan bagi tujuan penajaan dana di mana dasar urusniaga boleh distrukturkan berdasarkan pelbagai prinsip/kontrak Syariah.
Surat ikatan	Surat ikatan bertarikh 24 Oktober 1994 dan Surat ikatan-Surat ikatan Tambahan di antara PUTB (sebagai Pengurus) dan CIMB Islamic Trustee Berhad(sebagai Pemegang Amanah) dan Pemegang-pemegang unit amanah, yang bersetuju mematuhi peruntukan Surat ikatan.
SC atau Suruhanjaya Sekuriti	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
Syarikat berkaitan indeks	Syarikat yang merupakan komponen indeks FBM KLCI
UDE	Unit Dalam Edaran.

# 1 MAKLUMAT KORPORAT

## **PENGURUS**

PTB Unit Trust Berhad (310155-K)

## **PEJABAT BERDAFTAR :**

Wisma TI  
PT 3071, Chendering  
21080 Kuala Terengganu

Tel : 09-617 7771  
Faks : 09-617 7772

## **PEJABAT URUSNIAGA :**

**Kuala Terengganu**  
29.01 KT Business Centre (KTBC)  
Jalan Sultan Mohamad  
21100 Kuala Terengganu

Tel : 09-622 0999 (5 talian)  
Faks : 09-622 9555 / 09-623 8444  
E-mail : [putb@ptbgroup.com.my](mailto:putb@ptbgroup.com.my)  
Laman web : [www.asditrg.com](http://www.asditrg.com)

## **Petaling Jaya**

Unit 628, Tingkat 6, Blok A, Lobby B  
Kelana Centre Point  
No.3 Jalan SS 7/19  
47301 Petaling Jaya

Tel : 03-7880 0879  
Faks : 03-7803 5779

## **PEMEGANG AMANAH**

CIMB Islamic Trustee Berhad (167913-M)

## **PEJABAT BERDAFTAR**

Level 13, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2261 8888  
Faks : 03-2261 0099  
Laman web : <http://www.cimb.com>

## **PEJABAT URUSNIAGA**

Level 21, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2261 8888  
Faks : 03-2261 9889

## **WAKIL PEMEGANG AMANAH**

CIMB Bank Berhad (13491-P)

## **PEJABAT BERDAFTAR**

Level 13, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2261 8888  
Faks : 03-2261 8889  
Laman web : <http://www.cimb.com>

## **PEJABAT URUSNIAGA**

Level 21, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2261 8888  
Faks : 03-2261 9892



Amanah Saham Darul Iman

### **JAWATANKUASA SYARIAH**

1. Dr Ab. Halim bin Muhammad  
Lot 2191, No. 2B  
Jalan Makmur  
Kampung Teras Jernang  
43650 Bangi, Selangor  
Tel : 012-295 0667
  
2. Dr. Haji Muhamad Rahimi bin Osman  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450, Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03-5544 2664
  
3. Abdul Halim bin Awang @ Sulong  
Fakulti Pengajian Kontemporari  
Pusat Pengajian Syariah  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Tel : 09-666 4466





## 2 TABUNG ASDI

Amanah Saham Darul Iman (ASDI) ialah sebuah tabung unit amanah yang dikategorikan sebagai tabung ekuiti yang berteraskan Syariah dan mula beroperasi pada 31 Oktober 1994. ASDI merupakan sebuah dana yang mengandungi kepelbagaian aset dengan mengutamakan pelaburan dalam sektor ekuiti.

### OBJEKTIF PELABURAN ASDI

Objektif pelaburan Tabung mestilah bermatlamat untuk memberi pemegang-pemegang unit suatu tahap pendapatan yang menarik dan berterusan, serta peningkatan modal menerusi pelaburan berisiko munasabah yang dilaksanakan mengikut Surat Iktan, Garis panduan, Akta dan undang-undang sekuriti di dalam sekuriti-sekuriti di pasaran tempatan dan asing yang memenuhi prinsip-prinsip Syariah.

Sebarang perubahan ketara ke atas objektif pelaburan Tabung akan memerlukan kelulusan pemegang-pemegang unit.

### POLISI PELABURAN

Pada amnya, polisi pelaburan Tabung ialah untuk melaksanakan satu pelan tindakan untuk melabur di dalam portfolio yang mengandungi kepelbagaian sekuriti ekuiti tersenarai dan tidak tersenarai, sekuriti di pasaran asing dan instrumen pasaran wang berlandaskan prinsip-prinsip syariah. Ini bertujuan untuk memberikan gabungan pulangan yang optima daripada dividen yang diperolehi dari pelaburan ekuiti dan pasaran wang, keuntungan pelaburan dan juga peningkatan nilai aset Tabung.

### STRATEGI PELABURAN

Strategi pelaburan akan berpandu kepada objektif pelaburan dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan politik serta perkembangan di dalam dan di luar negara yang mempengaruhi prestasi pasaran ekuiti di samping melibatkan analisa risiko.

Secara keseluruhannya, strategi pelaburan yang dilaksanakan mensasarkan pulangan untuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang bagi tempoh di antara 3 – 5 tahun. Pengadunan strategi pelaburan akan mengambil kira Garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Tabung membuat pelaburan di dalam sebuah portfolio pelbagai yang terdiri daripada ekuiti patuh Syariah, pasaran wang Islam dan lain-lain pelaburan yang dibenarkan. Pengurus akan melaburkan sekurang-kurangnya 70% dan sehingga 95% daripada nilai aset bersih Tabung dalam ekuiti patuh Syariah, sekurang-kurangnya 5% dalam bentuk tunai dan aset cair manakala bakinya (jika ada) dalam lain-lain pelaburan yang dibenarkan.

Tabung diurus secara aktif dalam usaha untuk mencapai objektif pelaburannya. Fokus utama pelaburan ekuiti patuh Syariah tertumpu kepada pelbagai syarikat berkaitan indeks, saham-saham mewah dan syarikat yang mempunyai prospek pertumbuhan, yang disenaraikan di Bursa Securities. Dalam mengenalpasti syarikat seumpama ini, penelitian akan diberikan kepada prospek pertumbuhan pendapatan, kekuatan kewangan syarikat, nilai aset bersih, pegangan tunai, pulangan dividen serta pengurusan yang berwibawa. Walaupun Tabung diurus secara aktif, kekerapan dagangan sangat bergantung kepada peluang pasaran.

Tabung juga mungkin akan menyertai tawaran awam permulaan (*Initial Public Offering - IPO*) syarikat patuh Syariah yang disenaraikan di Bursa Securities, melabur dalam skim pelaburan kolektif Islam dan deposit Islam untuk membantu menjana pulangan.

Pengurus boleh, sebagai tindak balas kepada pasaran yang buruk, ekonomi, politik dan suasana-suasana lain yang di luar jangka, menggunakan strategi defensif sementara dengan meningkatkan paras aset cair ke tahap yang lebih tinggi.



## FAKTOR-FAKTOR RISIKO

### Risiko Pelaburan Di Dalam Tabung Unit Amanah

Tabung unit amanah akan terdedah kepada elemen-elemen risiko yang tidak dapat dielakkan dan pelabur hendaklah memberi pertimbangan kepada risiko-risiko tersebut yang antara lainnya ialah: -

#### Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada kebarangkalian bahawa pelaburan akan kehilangan nilai kerana penurunan secara umum dalam pasaran saham, disebabkan oleh faktor ekonomi, politik dan / atau faktor-faktor lain, yang akan menyebabkan penurunan dalam Nilai Aset Bersih (NAB) tabung unit amanah.

#### Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah

Risiko ini merujuk kepada risiko ekuiti patuh Syariah yang dipegang oleh tabung unit amanah akan dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah dalam kajian semula secara berkala oleh Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, penasihat Syariah atau lembaga Syariah indeks Islam yang berkaitan. Jika ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan ekuiti tersebut. Terdapat kebarangkalian kehilangan peluang kepada tabung unit amanah disebabkan tabung unit amanah tidak dibenarkan untuk mengekalkan keuntungan modal yang diperoleh daripada pelupusan ekuiti tidak patuh Syariah.

***[Sila rujuk muka surat 11 untuk maklumat lanjut mengenai pelupusan ekuiti tidak patuh Syariah]***

#### Risiko Saham Tertentu

Harga saham tertentu boleh berubah sebagai tindak balas kepada keadaan yang memberi kesan kepada syarikat-syarikat individu seperti prestasi kewangan yang buruk, berita mengenai kemungkinan penggabungan atau kehilangan kakitangan utama syarikat. Mana-mana pergerakan harga buruk saham itu akan menjejaskan NAB tabung unit amanah.

#### Risiko Pembiayaan Pinjaman

Risiko ini berlaku apabila pelabur mengambil pinjaman/pembiayaan untuk membiayai pelaburan mereka. Apabila pelaburan dibuat dengan menggunakan wang yang dipinjam, antara risiko yang wujud adalah termasuk pelabur berkemungkinan tidak mampu untuk membayar pembayaran balik pinjaman mereka. Sekiranya unit-unit tabung unit amanah digunakan sebagai cagaran, pelabur berkemungkinan perlu untuk menambah nilai cagaran jika harga unit jatuh di bawah paras tertentu disebabkan oleh keadaan pasaran. Jika gagal berbuat sedemikian, unit-unit tersebut boleh dijual pada nilai aset bersih yang lebih rendah bagi setiap unit berbanding nilai aset bersih seunit pada masa pembelian bagi tujuan menyelesaikan pinjaman.

#### Risiko Pengurusan

Risiko ini merujuk kepada pengurusan harian tabung unit amanah oleh pengurus yang akan memberi kesan kepada prestasi tabung unit amanah. Sebagai contoh, akibat daripada pandangan yang tidak tepat tentang pasaran atau kegagalan mematuhi polisi dalaman, mandat pelaburan, surat ikatan, undang-undang yang berkaitan atau garis panduan kerana faktor-faktor seperti kesilapan manusia atau kelemahan dalam operasi proses dan sistem, pengurus berkemungkinan akan membuat keputusan pelaburan yang boleh menjejaskan prestasi tabung unit amanah.

#### Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset tersebut yang diniagakan di pasaran. Jika tabung unit amanah memegang aset yang tidak cair, atau sukar untuk dilupuskan, nilai tabung akan terjejas apabila ia terpaksa menjual aset tersebut pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburannya.



### **Tiada Jaminan Pengagihan Pendapatan**

Pengagihan pendapatan kepada pemegang unit adalah daripada perolehan di atas pelaburan. Oleh yang demikian, jumlah pengagihan dan/atau kadar pengagihan tidak boleh dipastikan atau ditetapkan. Pengurus juga tidak boleh menjamin sama ada pengagihan (sekiranya ada) dapat dikekal atau ditingkatkan.

### **Risiko Pematuhan**

Risiko pengurus dan mereka yang berkaitan dengan skim tabung unit amanah yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang termaktub di dalam Surat ikatan, undang-undang yang terpakai bagi skim, polisi-polisi dan prosedur-prosedur Garis panduan, mengambil langkah-langkah yang tidak wajar atau bertindak secara tidak jujur. Ketidakpatuhan dalam mematuhi peraturan-peraturan ini boleh mengganggu operasi tabung yang mana boleh membawa kepada pengurangan pendapatan malahan kerugian kepada pemegang-pemegang unit. Walau bagaimanapun, risiko ini dapat dikurangkan dengan pelaksanaan kawalan dalaman oleh Pengurus.

### **Risiko Matawang**

Tabung mungkin akan terdedah kepada risiko ketidaktentuan nilai matawang apabila membuat pelaburan di pasaran asing. Turun naik kadar tukaran asing boleh menjejaskan nilai portfolio pelaburan asing tabung, yang turut memberi kesan kepada keseluruhan nilai tabung.

### **Risiko Negara**

Pelaburan tabung unit amanah di mana-mana negara mungkin terjejas oleh perubahan dalam keadaan ekonomi dan politik, sekatan dalam penghantaran balik mata wang atau perkembangan lain dalam undang-undang atau peraturan-peraturan negara-negara di mana tabung membuat pelaburan. Sebagai contoh, keadaan ekonomi negara di mana tabung membuat pelaburan yang semakin merosot boleh menjejaskan nilai pelaburan tabung di negara-negara berkenaan. Ini seterusnya boleh menyebabkan nilai aset bersih tabung atau harga unit jatuh.

### **Risiko Waran**

Pelaburan tabung di dalam waran (jika ada) mungkin akan menghadapi risiko kehilangan modal (harga penuh waran dan kos transaksi) sekiranya tidak dijual atau ditukarkan pada atau sebelum tamat tempohnya. Waran juga mempunyai risiko kecairan, di mana pasaran tidak cair boleh menjejaskan harga waran tersebut. Pengurus meminimalkan risiko-risiko ini dengan melabur di dalam waran yang diterbitkan oleh syarikat yang berwibawa sahaja.

## **RISIKO KHUSUS BERKAITAN DENGAN ASDI**

Prestasi ASDI adalah tertakluk kepada prestasi harga saham di Bursa Securities atau di bursa-bursa di mana pegangan pelaburan ASDI disenaraikan. Prestasi saham-saham individu, yang diadunkan di dalam portfolio, akan turun dan naik mengikut perubahan nilai pasaran pelaburan. Turun-naik ini mungkin ketara dalam jangka masa pendek. Ini menyumbang kepada risiko pasaran semasa melabur dalam Tabung. Walau bagaimanapun impak ini boleh dikurangkan melalui proses pelaburan portfolio yang dipelbagaikan oleh Pengurus. Di samping itu, ASDI tidak boleh melabur di dalam syarikat-syarikat dan industri-industri yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah. Justeru itu walaupun ASDI mampu memenuhi kemahuan pelabur-pelabur yang berkeinginan pulangan pelaburan secara halal, prestasi ASDI tidak boleh dibandingkan dengan prestasi tabung-tabung unit amanah yang tidak mempunyai sekatan pelaburan yang berlandaskan prinsip-prinsip Syariah seperti ASDI.

**Pelabur-pelabur perlu memahami bahawa pelaburan ekuiti boleh membawa risiko yang tinggi dan pelabur hendaklah meneliti profil risiko Tabung sebelum membuat keputusan untuk melabur. Prestasi silam bukan menjadi petunjuk bagi prestasi ASDI pada masa akan datang.**



## Menangani Risiko Pelaburan

Walau dalam apa bentuk strategi yang diambil, semua dan setiap pelaburan akan berkait rapat dengan elemen risiko yang boleh menjurus kepada hakisan modal atau pelaburan. Risiko ini terbit daripada volatiliti harga sekuriti sebagai tindakbalas kepada aktiviti syarikat, sentimen pasaran dan keadaan ekonomi.

Risiko-risiko berkaitan pelaburan sekuriti seperti risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko portfolio ditangani oleh Pengurus dengan mempelbagaikan portfolio sekuriti dari masa ke semasa selaras dengan perubahan pasaran. Sektor pasaran wang akan diberi tumpuan yang lebih ketika pasaran ekuiti mengalami arah aliran tidak menentu yang ketara.

Pengurus boleh mengambil beberapa strategi seperti mengubah agihan aset Tabung untuk mengimbangi dengan risiko dan pulangan setelah mengambilkira arah aliran pasaran.

## POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

Pada akhir setiap Jangkamasa Terakru Tabung, pengagihan pendapatan (jika ada) akan diagih samada dalam bentuk tunai dan/atau dalam bentuk unit-unit tambahan.

## TANDA ARAS PRESTASI PELABURAN

Penanda aras prestasi yang digunakan oleh Pengurus ialah FBM EMAS Shariah, Bursa Malaysia. Prestasi Tabung akan dibandingkan dengan prestasi FBM EMAS Shariah dari segi perubahan peratusan jumlah nilai aset bersih Tabung bagi tempoh tertentu dengan peratus perubahan nilai FBM EMAS Shariah dalam tempoh yang sama. Maklumat mengenai FBM EMAS Shariah boleh diperolehi daripada [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

Pelabur dimaklumkan bahawa profil risiko prestasi tanda aras adalah tidak sama dengan profil risiko prestasi Tabung.

## PELABURAN YANG DIBENARKAN

- Sekuriti patuh Syariah syarikat-syarikat, dana dan indeks yang disenaraikan di Bursa Securities;
- Sekuriti-sekuriti patuh Syariah tidak tersenarai termasuk sekuriti-sekuriti patuh Syariah yang belum tersenarai tetapi telah menerima pengesahan daripada Suruhanjaya Sekuriti untuk penyenaian dan sebutharga di Bursa Securities;
- Terbitan Pelaburan Kerajaan;
- Bil Penerimaan Islam, Bon Mudharabah Cagamas dan Sukuk yang mempunyai sekurang-kurangnya penarafan 'BBB' oleh Rating Agency of Malaysia Berhad (RAM) dan Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC);
- Unit-unit Tabung Amanah Hartanah Islam yang tiada kaitan dengan ASDI dan disenaraikan di Bursa Securities;
- Pelaburan dalam sekuriti-sekuriti patuh Syariah di pasaran asing di mana pihak berkuasa pasaran asing tersebut mestilah ahli Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO);
- Unit-unit dalam lain-lain skim pelaburan kolektif Islam;
- Baki matawang Malaysia dalam tangan, deposit matawang Malaysia dengan institusi perbankan Islam, termasuk Sijil-sijil Pelaburan; dan



- Sebarang bentuk pelaburan patuh Syariah yang mungkin dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah dari masa ke semasa.

#### HAD-HAD PELABURAN

- Nilai pelaburan ASDI dalam saham biasa di dalam mana-mana satu penerbit mestilah tidak boleh melebihi 10% daripada NAB Tabung;
- Nilai pelaburan ASDI di dalam mana-mana sekuriti boleh pindah dan pasaran wang di dalam mana-mana satu penerbit mestilah tidak boleh melebihi 15% daripada NAB Tabung dan nilai pelaburan ASDI dalam sekuriti boleh pindah selain debentur mestilah tidak melebihi 10% daripada sekuriti yang diterbitkan;
- Nilai pelaburan deposit ASDI dalam/dengan satu institusi kewangan mestilah tidak boleh melebihi 20% daripada NAB Tabung;
- Nilai pelaburan ASDI dalam instrumen pasaran wang mestilah tidak boleh melebihi 10% daripada instrumen yang diterbitkan;
- Nilai pelaburan ASDI dalam skim pelaburan kolektif mestilah tidak boleh melebihi 25% daripada unit/saham dalam mana-mana skim pelaburan kolektif;
- Had-had pelaburan perlu dipatuhi setiap masa berdasarkan nilai pasaran terkini pelaburan Tabung berbanding NAB Tabung. Walau bagaimanapun, kelonggaran melebihi sehingga 5% daripada had yang ditetapkan adalah dibenarkan dalam tempoh 3 bulan sekiranya ketidakpatuhan tersebut disebabkan oleh peningkatan atau penurunan NAB Tabung (samada peningkatan atau penurunan nilai pelaburan, kesan belian unit atau bayaran yang dibuat oleh Tabung);
- Pelaburan ASDI tidak boleh melebihi 10% daripada Nilai Aset Bersih Tabung di dalam mana-mana sekuriti yang tidak disenaraikan;
- Nilai pegangan ASDI dalam bentuk waran dan opsi mestilah tidak boleh melebihi 10% daripada Nilai Aset Bersih Tabung;
- Pelaburan ASDI dalam sekuriti-sekuriti di pasaran asing yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti tidak boleh melebihi 30% daripada Nilai Aset Bersih Tabung;
- ASDI tidak boleh melabur di dalam mana-mana sekuriti kecuali sekuriti-sekuriti yang telah ditakrifkan sebagai "Permitted Investments" di dalam Surat ikatan (untuk melihat senarai takrifan tersebut, sila rujuk kepada *muka surat 8* di bawah tajuk "*Pelaburan yang Dibenarkan*"; dan
- Paras kecairan minima Tabung, iaitu paras minima pegangan aset-aset dalam bentuk tunai atau setara dengannya yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah yang mungkin diubah mengikut keperluan semasa. Kadar yang dipersetujui buat masa ini ialah 5% dari NAB Tabung.

#### PROSES KELULUSAN STATUS SEKURITI OLEH JAWATANKUASA SYARIAH

Portfolio pelaburan ASDI meliputi instrumen-instrumen yang telah diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan MPS Bank Negara Malaysia. Bagi instrumen-instrumen yang belum diklasifikasikan patuh Syariah oleh MPS SC atau MPS BNM, kedudukan atau status instrumen tersebut telah ditentukan/diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Tabung berdasarkan hukum-hukum Syarak dan garis panduan, keputusan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara Malaysia berkaitan dengan hal-hal Syariah.



Dalam melaksanakan proses kelulusan ke atas sekuriti-sekuriti yang berada dalam status tersebut, Jawatankuasa Syariah Tabung akan mengadaptasi pendekatan kuantitatif dua peringkat yang mengguna pakai tanda aras aktiviti perniagaan dan tanda aras nisbah kewangan. Bagi tanda aras aktiviti perniagaan, Jawatankuasa Syariah Tabung mengguna pakai tanda aras lima peratus (5%) dan tanda aras 20 peratus (20%) sumbangan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai syarikat tersebut.

Tanda aras 5% adalah terpakai untuk aktiviti-aktiviti perniagaan berikut:

- Perbankan konvensional;
- Insurans konvensional;
- Perjudian;
- Arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- Babi dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya;
- Makanan dan minuman tidak halal;
- Hiburan tidak patuh Syariah;
- Pendapatan faedah daripada akaun dan instrumen konvensional (termasuk dividen daripada pelaburan dalam instrumen tidak patuh Syariah dan pendapatan faedah yang diterima berikutan daripada keputusan mahkamah atau penimbang tara);
- Tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya; dan
- Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.

Tanda aras 20% pula adalah terpakai untuk aktiviti-aktiviti perniagaan berikut:

- Operasi hotel dan rumah peranginan;
- Jual-beli saham;
- Pembrokeran saham;
- Sewaan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah; dan
- Aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.

Sumbangan daripada perniagaan/aktiviti tidak patuh Syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai syarikat tersebut mestilah kurang daripada tanda aras-tanda aras sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Bagi tanda aras nisbah kewangan pula, Jawatankuasa Syariah Tabung telah menentukan bahawa nilai riba dan elemen berteraskan riba dalam penyata kedudukan kewangan syarikat tersebut mestilah kurang daripada 33 peratus (33%). Dalam mendapatkan nisbah nilai riba dan elemen berteraskan riba dalam penyata kedudukan kewangan, Jawatankuasa Syariah Tabung mengambil kira perkara berikut;

- (i) Tunai ke atas jumlah aset – Tunai yang diambil kira ialah tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen konvensional, manakala tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen Islam tidak diambil kira dalam pengiraan ini.
- (ii) Hutang ke atas jumlah aset – Hutang yang diambil kira ialah hutang yang berteraskan faedah, manakala pembiayaan secara Islam ataupun sukuk tidak diambil kira dalam pengiraan ini.

Jawatankuasa Syariah Tabung juga melihat kepada aspek-aspek tambahan seperti pandangan masyarakat umum tentang imej syarikat berkenaan, aktiviti teras syarikat yang mempunyai kepentingan dan *maslahah* (kebaikan secara umum) kepada umat Islam dan negara manakala unsur yang tidak selaras dengan Syariah adalah amat kecil dan melibatkan perkara 'umum *balwa* (perkara terlarang yang sukar dielakkan), *'uruf* (amalan kebiasaan) dan hak-hak masyarakat bukan Islam yang diperakui oleh Islam.



### **Proses Pelupusan dan Pembersihan Sekuriti Tidak Patuh Syariah**

Bagi sekuriti-sekuriti patuh Syariah yang kemudiannya diklasifikasikan sebagai tidak patuh Syariah sama ada oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Jawatankuasa Syariah Tabung, Pengurus akan melupuskan sekuriti-sekuriti ini apabila nilainya melebihi kos pelaburan asal.

Bagi sebarang keuntungan yang diperolehi hasil dari penjualan sekuriti-sekuriti tidak patuh Syariah dan dividen yang diterima sehingga tarikh pengumuman, Pengurus dibolehkan untuk menyimpan keuntungan tersebut. Walau bagaimanapun, sebarang lebihan keuntungan modal daripada penjualan sekuriti tersebut dan dividen yang diperolehi selepas hari pengumuman, hendaklah disalurkan kepada badan-badan kebajikan atau baitulmal.

Tabung dibenarkan untuk memegang pelaburan di dalam sekuriti yang telah diklasifikasikan sebagai tidak patuh Syariah sekiranya harga pasarannya adalah di bawah harga pelaburan asal. Tabung juga dibolehkan untuk menyimpan dividen yang diterima dalam tempoh pegangan sehinggalah jumlah dividen yang diterima dan harga pasaran sekuriti tersebut menyamai kos pelaburan asal. Pada ketika itu, sekuriti tersebut hendaklah dijual.

Bagi pelaburan yang telah dibuat dalam sekuriti yang tidak patuh Syariah, penjualan perlu dilaksanakan dalam masa sebulan daripada tarikh mengetahui kedudukan sekuriti tersebut. Sebarang keuntungan atau dividen yang diterima semasa atau selepas penjualan sekuriti tersebut akan disalurkan kepada badan-badan kebajikan atau baitulmal. Tabung hanya boleh menyimpan jumlah kos pelaburan asal. Sekiranya berlaku kerugian selepas pelupusan sekuriti tersebut, Pengurus akan menanggung kerugian tersebut dengan memastikan nilai kerugian tersebut dikembalikan semula kepada Tabung.

### **ZAKAT ASDI**

Jawatankuasa Syariah Tabung telah memutuskan bahawa tanggungjawab membayar zakat adalah kewajipan pemegang-pemegang unit sendiri iaitu sebagai individu, syarikat ataupun pertubuhan. Oleh yang demikian, pelabur adalah disarankan membuat urusan pembayaran zakat berdasarkan pengiraan masing-masing. Pihak Pengurus sedia memberi bantuan dan maklumat kepada pemegang unit dalam urusan yang berkaitan.

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**



### 3 YURAN, CAJ DAN PERBELANJAAN

#### CAJ

Caj-caj yang dikenakan **secara langsung** oleh Syarikat Pengurus ketika pelabur membeli atau menjual balik unit-unit Tabung adalah seperti berikut:

#### Caj Jualan

Kadar maksima caj jualan sebanyak 5% dari NAB seunit dikenakan oleh Pengurus selama tempoh Prospektus ini berkuat kuasa. Pengiraan caj jualan adalah seperti ilustrasi di bawah:

NAB pada 28 Feb 2017 (RM)	=	152,039,603
-----		-----
Unit dalam edaran pada 28 Feb 2017	=	485,385,000
NAB Seunit pada 28 Feb 2017 (RM)	=	0.313235067
Caj Jualan seunit (RM)	=	0.313235067 X 5%* (kadar caj jualan)
	=	RM0.015661753

Pengurus melaksanakan pelarasan pembundaran kepada sembilan (9) titik perpuluhan ke atas caj jualan.

\* *Pelabur boleh berunding dengan Pengurus untuk caj-caj yang lebih rendah.*

#### Caj Tebusan (Belian Balik)

Bagi tempoh selama Prospektus ini berkuat kuasa, tiada caj tebusan (belian balik) dikenakan oleh Pengurus apabila pelabur menjual balik unit-unit pegangannya.

#### YURAN

Yuran-yuran yang akan dikenakan **secara tidak langsung** apabila melabur di dalam Tabung adalah seperti berikut:

#### Yuran Tahunan Pengurus

Pengurus akan dibayar suatu kadar tidak melebihi 1.5% setahun di atas Nilai Aset Kasar Tabung yang dikira berdasarkan asas harian dan kadar ini telah dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke semasa.

Kadar yuran tahunan Pengurus hanya boleh dinaikkan jikalau Pengurus dan Pemegang Amanah telah bersetuju untuk menaikkan yuran tersebut dan setelah Pemegang-pemegang Unit diberitahu tentang kenaikan tersebut. Tarikh kuat kuasa kenaikan yuran tersebut mestilah juga dinyatakan dan prospektus tambahan/baru mestilah dikeluarkan dahulu di mana yuran tahunan Pengurus yang baru telah juga dinyatakan. Tarikh kenaikan yuran tahunan Pengurus mestilah tidak lebih daripada 90 hari daripada pengeluaran prospektus tambahan/baru.





### **Yuran Tahunan Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah adalah layak mendapat yuran tahunan pada kadar tidak melebihi 0.1% dan tidak kurang daripada 0.08% setahun yang diakru secara asas harian di atas Nilai Aset Kasar Tabung. Mengikut amalan pada masa ini, yuran tahunan Pemegang Amanah diperuntukkan pada kadar sebanyak 0.09% setahun.

Yuran tahunan Pemegang Amanah akan ditentukan oleh Pemegang Amanah sendiri, atas nasihat Pengurus dan akan sepadan dengan watak dan tanggungjawab yang telah dipikul oleh Pemegang Amanah selain mengambilkira kepentingan Pemegang Unit.

### **Lain-lain Caj/Yuran**

Pengurus akan mengenakan caj sebanyak RM3 bagi setiap permohonan untuk sijil unit (jika ada) apabila:

- Pemegang Unit membeli unit-unit bagi pelaburan permulaan atau pelaburan tambahan;
- Pemegang Unit membuat penjualan sebahagian unit-unit yang miliki;
- Pemegang Unit meminta penggantian kepada sijil unit yang baru kerana sijil asal telah rosak, hilang ataupun musnah; dan
- Pemegang Unit membuat permohonan untuk menukar milik unit-unit pegangan mereka kepada individu lain (yang menepati syarat-syarat kelayakan melabur).

### **Lain-lain Perbelanjaan Tabung**

Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi di bawah akan dibayar daripada Tabung :-

- yuran juruaudit dan bayaran profesional yang berkaitan;
- kos mencetak dan mengedarkan laporan-laporan setengah tahun dan tahunan, baucer-baucer cukai, waran pengagihan pendapatan dan notis-notis lain kepada Pemegang Unit;
- duti dan cukai berkaitan Tabung;
- yuran dan komisen kepada broker atas pelaburan;
- pembayaran balik semua kos dan perbelanjaan yang munasabah berkaitan dengan Tabung yang ditanggung oleh Pemegang Amanah seperti yang ditetapkan di dalam Garis panduan; dan
- perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkenaan dan perlu bagi perniagaan Amanah sebagaimana di dalam Surat ikatan.

Semua perbelanjaan bagi menerbitkan Prospektus ini akan ditanggung oleh Pengurus.

Bermula 1 April 2015, yuran-yuran dan caj-caj di atas dikenakan CBP pada kadar 6%. Kadar ini boleh berubah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kastam Diraja Malaysia.

### **REBET DAN KOMISEN**

Sebarang rebet atau diskaun ke atas yuran pembrokeran (sekiranya ada) akan diserahkan semula kepada tabung ASDI dan digunakan untuk mengurangkan kos pelaburan.

Pengurus menikmati manfaat tidak langsung daripada broker berupa bahan-bahan penyelidikan, majalah, makalah dan jemputan ke seminar, persidangan dan/atau mesyuarat yang dianjurkan oleh mereka. Barangan dan perkhidmatan akan hanya diterima sekiranya ia memberi manfaat kepada pemegang unit dan/atau Tabung.



Amanah Saham Darul Iman

**Adalah diingatkan bahawa terdapat yuran dan caj yang terlibat semasa membeli dan menjual unit-unit. Oleh itu, pelabur-pelabur dinasihatkan untuk menimbang yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur.**

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**

## 4 MAKLUMAT URUSNIAGA ASDI

### ASAS PENILAIAN PELABURAN

#### Instrumen

#### Kaedah Pengiraan

(a) Sekuriti patuh Syariah tersiarharga

Harga pasaran.

Walau bagaimanapun, sekiranya-

(i) penilaian berdasarkan harga pasaran tidak menggambarkan nilai saksama bagi sekuriti-sekuriti ini, sebagai contoh ketika keadaan pasaran tidak normal; atau

(ii) tiada harga pasaran boleh diperolehi, termasuk di dalam keadaan di mana penggantungan sebut harga sekuriti-sekuriti melebihi tempoh 14 hari, atau kurang sebagaimana yang dipersetujui oleh pemegang amanah,

oleh yang demikian, sekuriti-sekuriti ini perlu dinilai pada nilai saksama, sebagaimana yang ditentukan oleh syarikat pengurusan atau wakil pengurusan tabungnya dengan suci hati (*good faith*), berdasarkan kaedah atau asas yang diluluskan oleh pemegang amanah selepas mendapat nasihat teknikal yang bersesuaian.

(b) Sekuriti patuh Syariah tak tersiarharga

(i) Harga tawaran semasa langganan.

(ii) Nilai saksama seperti yang ditentukan oleh syarikat pengurusan atau wakil pengurusan dananya berdasarkan kaedah atau asas yang disahkan oleh Juruaudit dan diluluskan oleh Pemegang Amanah.

(c) Sukuk

Untuk sukuk tersenarai, harga dagangan terakhir yang disebut oleh agensi penetapan harga bon (BPA) yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti akan digunakan.

Di mana syarikat pengurusan berpandangan bahawa harga yang disebut oleh BPA bagi bon tertentu berbeza dengan "harga pasaran" lebih dari 20 mata asas, syarikat pengurusan atau wakil pengurusan dananya boleh menggunakan "harga pasaran", asalkan syarikat pengurusan atau wakil pengurusan dananya-

(i) merekod asasnya untuk penggunaan harga bukan daripada BPA;

(ii) mendapatkan kelulusan dalaman yang perlu untuk menggunakan harga yang bukan daripada BPA; dan

(iii) menyimpan jejak audit bagi semua keputusan dan asas bagi penggunaan "hasil pasaran".

Bagi sukuk tidak tersenarai, nilai saksama yang merujuk kepada purata hasil indikatif yang disebut oleh tiga (3) institusi bebas dan berwibawa akan digunakan.

(d) Sekuriti patuh Syariah di pasaran asing

Nilai pelaburan dalam sekuriti patuh Syariah di pasaran asing akan ditukarkan setiap hari kepada RM dengan menggunakan kadar pertukaran wang asing yang dipetik samada dari Reuters atau



Bloomberg pada jam 4:00 petang waktu United Kingdom pada hari yang sama, sebagaimana Standard No. 004 (FMUTM/IMS (R&D)-004) yang dikeluarkan oleh FIMM.

- (e) Unit dalam skim Harga belian balik yang terakhir disiarkan.  
pelaburan kolektif Islam  
tidak tersenarai
- (h) Deposit / Instrumen Nilai Nominal.  
pasaran wang Islam

## PENENTUAN TITIK PENILAIAN DAN PENGIRAAN HARGA-HARGA UNIT

Pengurus menggunakan kaedah Harga Silam (*Historical Pricing*) dalam pengiraan harga unit-unit amanah yang mana harga untuk jualan dan tebusan (belian balik) pada sesuatu Hari Urusniaga ditetapkan pada NAB seunit dari penilaian yang terakhir sebelum permohonan untuk membeli atau menjual balik unit-unit diterima oleh Pengurus.

Ilustrasi pengiraan NAB seunit :-

Ilustrasi berikut adalah pengiraan NAB seunit Tabung pada 28 Februari 2017.

Aset-aset	RM
Ekuiti	124,227,125
Pelaburan deposit	27,213,810
Aset-aset lain	1,528,530
	-----
	152,969,465
	-----
Tolak : Liabiliti	(929,862)
	-----
NAB	152,039,603
	=====

$$\begin{aligned} \text{NAB seunit} &= \text{NAB} / \text{UDE} \\ &= 152,039,603 / 485,385,000 \\ &= \text{RM}0.313235067 \quad \text{(Dibundarkan kepada 9 titik perpuluhan)} \end{aligned}$$

Pemakaian kaedah Harga Silam menetapkan titik penilaian NAB Tabung oleh Pengurus dibuat sebanyak dua (2) kali sehari iaitu selepas Bursa Securities menutup urusan pada sesi pagi pada 12.30 tengahari dan sesi petang pada 5.00 petang.

## PENETAPAN SEMULA HARGA-HARGA UNIT

**Sekiranya Pengurus mendapati berlaku perubahan NAB seunit melebihi 5% daripada penilaian yang terakhir semasa membuat penilaian NAB Tabung pada penutup sesi tengahari, Pengurus akan menetapkan semula harga untuk jualan dan tebusan (belian balik) pada NAB seunit terkini. Penetapan semula harga akan berkuat kuasa mulai jam 2.30 petang.**

## POLISI SATU HARGA (PSH)

Suruhanjaya Sekuriti telah melaksanakan PSH mulai 1 Julai 2007 bagi menggantikan polisi dua harga yang diamalkan sebelum ini, dengan tujuan untuk menjelaskan kos pelaburan yang perlu dibayar oleh pelabur apabila melabur di dalam skim tabung unit amanah.



Polisi dua harga yang diamalkan sebelum ini, mempamerkan dua harga; satu harga untuk pelabur yang akan membuat pelaburan dan satu harga lain untuk pelabur yang ingin menebus pelaburan.

Di bawah PSH yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti, kedua-dua Harga Jualan dan Harga Tebusan (Belian Balik) mestilah pada harga NAB seunit yang telah ditentukan oleh Pengurus bagi menjalankan transaksi jualan dan belian balik dari pelabur. Caj Jualan dan Caj Tebusan dikira dan dicajkan berasingan dari kos pelaburan. PSH ini bertujuan untuk memberikan ketelusan kepada pelabur berhubung caj-caj yang dikenakan oleh Pengurus dan setiap saluran jualan seperti agen yang dilantik atau agen-agen institusi skim tabung unit amanah.

### CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

Bermula pada 1 April 2015, Kerajaan melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) pada kadar enam peratus menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Perkhidmatan pegurusan dana termasuk dana unit amanah adalah tidak terkecuali dari CBP ini sekiranya memenuhi kriteria perolehan dan pendapatan tahunannya sebagaimana ketetapan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 (Akta CBP 2014).

Yuran-yuran dan caj-caj yang tertakluk kepada pelaksanaan CBP iaitu:

- a) Yuran Tahunan Pengurus,
- b) Yuran Tahunan Pemegang Amanah,
- c) Caj Jualan, dan
- d) Lain-lain caj yang dikenakan ke atas pelabur.

CBP yang dikutip dari pelabur akan diserahkan kepada pihak berkuasa cukai iaitu Kastam Diraja Malaysia. Pengurus tidak menerima sebarang manfaat/imbunan daripada CBP yang dikutip ini.

Berikut ialah ilustrasi pengiraan membeli dan menjual balik unit-unit mengikut PSH dan CBP:-

#### Ilustrasi Pengiraan Membeli Unit-unit

Sekiranya pelabur membuat permohonan pelaburan membeli unit-unit tabung sebanyak RM10,000.00 pada NAB seunit RM0.50000000, maka pengiraan jumlah yang perlu dibayar oleh pelabur seperti di bawah :-

NAB seunit	=	RM0.50000000
Caj Jualan seunit yang dikenakan	=	5%* dari NAB seunit
Jumlah unit yang dibeli oleh pelabur	=	jumlah pelaburan / NAB seunit
	=	RM10,000.00 / RM0.50000000
	=	20,000.00 unit

Caj Jualan yang perlu dibayar oleh pelabur dikira seperti berikut :-

5% x RM0.50000000	=	0.025000000
RM0.025000000 x 20,000.00 unit	=	RM500.00

CBP yang perlu dibayar oleh pelabur dikira seperti berikut:

6% x RM500.00 (Jumlah Caj Jualan)	=	RM30.00
-----------------------------------	---	---------

Jumlah pelaburan membeli unit-unit	=	RM	10,000.00
Jumlah caj jualan yang perlu dibayar	=	RM	500.00
Jumlah CBP yang perlu dibayar	=	RM	30.00

Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh pelabur	=	RM	10,530.00
--	---	----	-----------

\* Pelabur boleh berunding dengan Pengurus untuk caj-caj yang lebih rendah.



### Ilustrasi Pengiraan Menjual Balik Unit-unit

Apabila pelabur membuat permohonan menjual balik unit-unit tabung untuk mendapatkan wang sebanyak RM10,000.00, maka jumlah yang akan dibayar kepada pelabur adalah seperti pengiraan di bawah :-

NAB seunit	=	RM0.500000000
Caj Tebusan seunit yang dikenakan	=	0% dari NAB seunit *
Jumlah unit yang dijual balik oleh pelabur	=	Nilai penebusan / NAB Seunit
	=	RM10,000.00 / RM0.500000000
	=	20,000.00 unit

\* *Pengurus tidak mengenakan apa-apa caj tebusan (belian balik) apabila pelabur ingin menebus pelaburan mereka, oleh yang demikian tiada CBP dikenakan ke atas transaksi ini.*

Untuk mendapatkan nilai penebusan sebanyak RM10,000.00, pelabur perlu menjual balik kepada Pengurus sebanyak 20,000.00 unit pada NAB seunit RM0.500000000.

Pengurus juga berhak untuk menolak dari nilai penebusan itu, bayaran cukai setem atau lain-lain duti (sekiranya ada) yang berkaitan dengan belian balik unit-unit, yang mana bayaran tersebut akan segera dibayar kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

### BAGAIMANA UNIT-UNIT BOLEH DIBELI DAN DIJUAL

#### Prosedur membeli unit-unit

Permohonan untuk membeli unit-unit ASDI boleh dibuat melalui borang yang boleh didapati secara percuma di pejabat urusanniaga Pengurus. Pelaburan permulaan hendaklah tidak kurang daripada 100 unit, manakala pelaburan tambahan hendaklah sekurang-kurangnya 10 unit. Harga jualan adalah berdasarkan NAB seunit pada hari permohonan diterima oleh Pengurus.

Borang Permohonan yang telah lengkap dipenuhkan bersama-sama pembayaran dalam bentuk deraf bank, wang pos, kiriman wang, cek bank dan cek persendirian (sertakan bayaran komisen untuk cek luar) hendaklah dikemukakan ke pejabat Pengurus. Pembayaran wang tunai boleh diterima jika pembelian dibuat di pejabat PTB Unit Trust Berhad sahaja.

#### Prosedur menjual balik unit-unit

Permohonan untuk menjual balik/menebus sama ada semua atau sebahagian unit-unit boleh dibuat di kaunter pejabat urusanniaga Pengurus pada hari-hari Urusniaga. Pemegang Unit juga boleh membuat permintaan secara bertulis untuk menebus atau menjual balik semua atau sebahagian daripada unit-unit yang dimiliki dengan melengkapkan Borang Permohonan Belian Balik (Tebusan). Selepas Borang Permohonan itu dilengkapkan, ianya hendaklah diserahkan/ dikirinkan ke pejabat urusanniaga Pengurus.

Pengurus akan membeli balik unit-unit berdasarkan NAB seunit pada hari permohonan lengkap diterima. Pemegang Unit akan dibayar secara terus ke dalam akaun bank Pemegang Unit dalam masa sepuluh (10) hari dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh Pengurus. Tiada had penebusan minimum kecuali bagi penebusan sebahagian di mana baki yang ditinggalkan mestilah tidak kurang dari 100 unit.



## **MENUKAR/MEMINDAH MILIK UNIT-UNIT**

### **Pindah milik biasa**

Pemegang Unit berhak untuk menukar/memindah milik unit-unit mereka secara bertulis di dalam borang pindahmilik sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kelima Surat ikatan. Borang permohonan untuk memindah milik boleh didapati daripada pejabat Pengurus dan hendaklah diisi dan ditandatangani oleh kedua-dua pemindahmilik dan penerimamilik dan disertakan bersama dengan Sijil Unit atau Penyata Pelaburan.

Pemegang Unit boleh memindahmilik sama ada semua atau sebahagian unit-unit pegangan mereka. Walau bagaimanapun, pindahmilik tidak boleh didaftarkan SEKIRANYA pendaftaran tersebut akan mengakibatkan pemindahmilik atau penerimamilik memegang kurang daripada 100 unit. Pindahmilik unit-unit akan berkuat kuasa dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan permohonan untuk menukar/memindah milik unit-unit.

### **Pindah Pesaka (Kematian)**

Dalam kes yang melibatkan kematian salah seorang Pemegang Unit Bersama (jointholder), Pengurus dan Pemegang Amanah akan mengiktiraf Pemegang Unit yang hidup sebagai pemilik yang sah ke atas unit-unit tersebut. Sekiranya individu yang hidup itu masih di bawah umur 18 tahun lagi, Pengurus dan Pemegang Amanah AKAN HANYA mengiktiraf harta pusaka si mati (yang namanya terdaftar sebagai pemilik pertama) sebagai pemilik yang sah atau mengiktiraf pentadbir pusaka si mati yang telah dilantik oleh undang-undang Malaysia.

Bagi kes kematian Pemegang Unit, Pengurus dan Pemegang Amanah akan mengiktiraf mana-mana waris atau badan yang telah dilantik sebagai wasi (executor) atau pentadbir (administrator) sebagai pemegang amanah ke atas unit-unit tersebut. Pemegang Unit juga boleh membuat perlantikan wasi / pentadbir melalui borang yang disediakan oleh Pengurus. Wasi / pentadbir yang dilantik ini adalah berhak ke atas keseluruhan pelaburan Pemegang Unit dan segala manfaat yang terbit daripadanya. Wasi atau pentadbir hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan iaitu sijil kematian, Sijil Unit/Penyata Pelaburan asal, Surat Pentadbiran/Probet/Arahan Mahkamah sebagai bukti mentadbir harta pusaka si mati dan borang pindahmilik pesaka sebagaimana ditetapkan oleh Jadual Keempat Surat ikatan.

Pengurus akan memproses pindahmilik ini berdasarkan kepada pembahagian yang dinyatakan dalam Surat Kuasa tersebut.

## **TEMPOH PENELITIAN**

Tempoh penelitian merujuk kepada hak pelabur untuk menarik balik pelaburan mereka dalam tempoh enam (6) hari perniagaan bermula daripada tarikh pembayaran pelaburan diterima oleh Pengurus.

Hak tempoh penelitian HANYA diberikan kepada pelabur yang baru pertama kali melabur di dalam Tabung ini. Hak ini, walau bagaimanapun, tidak meliputi dan diberi kepada pelabur korporat atau institusi, kakitangan PUTB dan mereka yang didaftar untuk mengurus dan menjual unit-unit tabung amanah.

Pengurus akan membayar balik wang pelabur berasaskan NAB seunit pada hari unit-unit dibeli kali pertama dicampur caj jualan yang telah dikenakan pada hari unit-unit dibeli dahulu. Pembayaran balik wang akan dibuat dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh Pengurus menerima permohonan rasmi untuk menarik balik pelaburan oleh pelabur.

**Pelabur adalah dinasihatkan supaya tidak membuat bayaran secara tunai apabila membeli unit-unit melalui mana-mana ejen institusi atau runcit.**



Amanah Saham Darul Iman

## DI MANA UNIT-UNIT BOLEH DIBELI

Unit-unit boleh dibeli dan dijual di pejabat-pejabat urusniaga di alamat berikut:-

### PEJABAT URUSNIAGA :

#### PTB UNIT TRUST BERHAD

29.01 KT Business Centre (KTBC)  
Jalan Sultan Mohamad  
21100 Kuala Terengganu.

Telefon : 09-6220999 (5 talian)  
Faks : 09-6229555 / 6238444

#### PTB UNIT TRUST BERHAD

Unit 628, Tingkat 6, Blok A, Lobby B  
Kelana Centre Point  
No.3, Jalan SS 7/19  
47301 PetalingJaya.

Telefon : 03-7880 0879  
Faks : 03-7803 5779

## KAEDAH PEMBAYARAN PENGAGIHAN PENDAPATAN

Adalah dirancangkan bahawa pengagihan pendapatan ini dibuat secara tunai (jika ada) atau mewujudkan unit-unit tambahan (jika ada) pada akhir setiap Jangkamasa Terakru atau mana-mana masa tertentu mengikut budibicara Pengurus.

Bermula dari tahun kewangan 2015, pengagihan pendapatan secara tunai (jika ada) akan dibayar terus ke dalam akaun bank pelabur dalam tempoh 60 hari dari tarikh akhir Jangka masa Terakru. Pengurus tidak lagi mengeluarkan cek bagi tujuan pembayaran pengagihan pendapatan.

Pengurus akan melabur semula pengagihan pemegang unit secara automatik sekiranya ada arahan bertulis dari pemegang unit, sama ada melalui borang permohonan atau borang lain seumpamanya. Pelaburan semula pengagihan secara automatik ini akan dilaksanakan berasaskan pada NAB seunit tanpa caj jualan, yang ditetapkan selepas tarikh pengisytiharan pengagihan.

Bagi Pemegang Unit yang gagal memberikan maklumat akaun bank mereka sebagaimana yang diminta oleh pengurus, tunai daripada pengagihan pendapatan mereka akan dilaburkan semula ke dalam akaun Pemegang Unit tersebut, tertakluk kepada baki unit dalam edaran Tabung. Terma untuk pengagihan semula ini adalah sepertimana terma arahan bertulis yang diberikan oleh Pemegang Unit untuk melabur semula pengagihan pendapatan.

Pemegang Unit akan menerima Penyata Pelaburan sebagai pengesahan peruntukan unit-unit hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan mereka. Pemegang Unit boleh meminta Pengurus menebus semua atau sebahagian daripada unit-unit tersebut.

Semua pengagihan kepada Pemegang Unit akan dibayar tanpa mengambilkira apa-apa ekuiti, hak tolakan atau pun tuntutan di antara Pemegang Unit dan Pemegang Amanah dan/atau Pengurus.

**Harga-harga unit dan pengagihan pendapatan (jika ada), boleh berubah-ubah samada naik ataupun turun.**

## WANG YANG TIDAK DITUNTUT

Di dalam keadaan tertentu seperti semua unit ASDI telah habis dilanggan, Pengurus mungkin tidak dapat melaksanakan pelaburan semula pengagihan pendapatan bagi Pemegang Unit yang memilih pelaburan semula secara automatik. Sekiranya pelaburan semula pengagihan pendapatan ini tidak dapat dilaksanakan dan bayaran pengagihan pendapatan tersebut terbiar tidak dituntut melebihi tempoh satu (1) tahun dari tarikh pembayaran, maka Pengurus akan menyerahkannya kepada Pendaftar Wang Yang Tidak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara.

Pemegang Unit boleh membuat tuntutan ke atas bayaran pengagihan tersebut dengan mengemukakan borang tuntutan kepada Pendaftar Wang Yang Tidak Dituntut.





## 5 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TABUNG ASDI

### PROFIL KORPORAT PENGURUS

PTB Unit Trust Berhad atau PUTB telah ditubuhkan pada 1 Ogos 1994 di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan sebuah subsidiari milik penuh Permodalan Terengganu Berhad (PTB). PTB dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu, sebuah agensi milik Kerajaan Negeri Terengganu. PUTB mempunyai modal berbayar pada 31 Disember 2016 sebanyak RM7.0 juta yang telah diterbitkan dan dibayar penuh. Pada masa ini PUTB hanya menguruskan sebuah tabung unit amanah iaitu ASDI yang telah dikendalikan selama lebih daripada 20 tahun.

PUTB yang telah dilesenkan di bawah Akta untuk menjalankan aktiviti-aktiviti terkawal iaitu berniaga dalam sekuriti dan pengurusan kumpulan wang, bertanggungjawab ke atas pengurusan harian tabung mengikut peruntukan-peruntukan dalam Surat ikatan, Garis panduan, Akta dan undang-undang sekuriti lain.

Tugas utama PUTB termasuklah mengendalikan pelaburan-pelaburan Tabung, mengurus jualan dan penebusan (belian balik) unit-unit, mengagihkan pendapatan dan/atau unit tambahan (jika ada), menyimpan rekod-rekod Tabung dengan baik, di samping melaporkan semua aktiviti Tabung kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya.

Sepanjang tempoh tabung ASDI dikendalikan, PUTB tidak pernah dan belum terlibat di dalam mana-mana pendakwaan/pertuduhan atau pengadilan, sama ada yang masih tertanggung atau digugat olehnya dan mana-mana fakta yang mungkin menimbulkan sebarang prosiding yang akan menjejaskan kedudukan kewangan/urusniaga PUTB.

### LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah PUTB terdiri daripada ahli-ahli berikut :-

**Dato' Wan Ismail bin Wan Yusoh (*Pengerusi – bukan bebas*)**

**Datuk W. Mohd Albakri bin W. Md Noor (*bebas*)**

**Datuk Sulaiman bin Salleh (*bebas*)**

**Md Som bin Mangy (*bukan bebas*)**

Selain daripada Lembaga Pengarah, PUTB mempunyai dua buah jawatankuasa khusus untuk memberi khidmat nasihat dan memantau pengurusan dan pelaburan ASDI. Jawatankuasa-jawatankuasa ini ialah:-

- ❖ Jawatankuasa Pelaburan; dan
- ❖ Jawatankuasa Syariah.

### JAWATANKUASA PELABURAN

Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan ASDI bermesyuarat sekurang-kurangnya sembilan (9) kali dalam setahun bagi membincang dan meneliti status semasa pelaburan bagi mengatur strategi pelaburan serta memastikan segala polisi dan pengurusan pelaburan mematuhi Garis panduan dan peraturan pihak berkuasa yang berkaitan.

Selain itu, tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pelaburan juga meliputi:

- Mengkaji prestasi dan pengadunan portfolio/aset dan membuat penyesuaian di mana perlu;
- Mengkaji, meneliti dan mengubahsuai, di mana perlu, strategi pelaburan ASDI;
- Mengkaji kedudukan kewangan ASDI; dan
- Mengesyorkan pengagihan pendapatan.



## PENGURUSAN PELABURAN ASDI

Md Som bin Mangy merupakan pegawai lantikan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pelaburan ASDI. Beliau bertindak dengan arahan dan atas nasihat Jawatankuasa Pelaburan. Beliau dibantu oleh Pengurus Kanan dan Penolong Pengurus pelaburan serta beberapa eksekutif pelaburan dalam mengendalikan urusan niaga dan penyelidikan pelaburan untuk Tabung. Latar belakang beliau adalah seperti berikut:

Md Som bin Mangy  
*Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Eksekutif*

Md Som bin Mangy telah dilantik sebagai Pengarah PUTB pada 24 Februari 2004 dan sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan pada 28 Oktober 2004. Beliau sekarang menjawat jawatan Ketua Pegawai Eksekutif PUTB semenjak 7 November 2006. Beliau mempunyai Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan dari Northern Illinois University dan Sarjana Pentadbiran Pengurusan (Kewangan) dari Governors State University, Amerika Syarikat. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Md Som memulakan kerjaya perkhidmatannya di Mayban Finance Berhad pada tahun 1979 dan kemudiannya menyertai Kumpulan Arab-Malaysian sebagai Pegawai Pinjaman Korporat. Beliau kemudiannya menyertai Telekom Malaysia Berhad sebagai Penolong Akauntan dan kemudiannya menjawat Ketua Bahagian Korporat dan Akaun Perolehan di Sistem Televisyen Malaysia Berhad. Beliau juga pernah terlibat dalam industri sekuriti dan pelaburan di RHB Securities Sdn Bhd. Jawatan terakhir beliau sebelum menyertai Kumpulan Permodalan Terengganu Berhad ialah sebagai Pengurus Besar di Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPD).

## JAWATANKUASA SYARIAH

Jawatankuasa Syariah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun, sebagai badan rujukan dan memberikan nasihat pakar kepada pengurusan berhubung pelaburan-pelaburan yang dibenarkan oleh syarak. Jawatankuasa Syariah mengkaji semula pelaburan ASDI setiap enam bulan sekali bagi memastikan ia sentiasa mematuhi keperluan Syariah. Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah bukanlah seorang yang didakwa bankrap oleh mana-mana mahkamah dan belum pernah disabitkan dengan mana-mana kesalahan jenayah di mana-mana dalam dunia.

Tugas serta tanggungjawab lain Jawatankuasa Syariah adalah seperti berikut:

- Menetapkan kriteria pelaburan bagi mematuhi dasar-dasar Syariah dan prinsip *fiqh muamalah*;
- Memastikan pemantauan yang sesuai untuk aktiviti Tabung Unit Amanah supaya ianya mematuhi kriteria-kriteria pelaburan;
- Memastikan supaya ASDI diurus dan ditadbirkan mengikut prinsip-prinsip Syariah; dan
- Memberikan panduan kepada pengurusan dalam semua hal yang berkaitan dengan prinsip-prinsip Syariah termasuk Surat ikatan, Prospektus, struktur dan pelaburan.

## Ahli-ahli Jawatankuasa

### **Dr. Ab. Halim bin Muhammad**

Dr. Ab. Halim bin Muhammad berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Syariah dan Undang-undang dari Universiti Al-Azhar, Mesir, pada tahun 1972 dan telah menamatkan Ijazah Ph.D pada tahun 1977 dalam bidang yang sama dari Universiti St. Andrews. Beliau mula berkhidmat sebagai Pensyarah Syariah pada tahun 1974 hingga 2000 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Semenjak tahun 1982, beliau telah menghasilkan banyak penulisan terutama yang berkait dengan undang-undang Islam. Antaranya termasuk pengaruh mazhab shafii, usul fiqh, tasawwur Islam, adab

berijtihad dan berikhtilaf dan risalah tarbiyyah. Beliau juga merupakan bekas penulis dan pakar rujuk buku teks KBSM.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Penasihat Syariah dan ahli Jawatankuasa Syariah di beberapa organisasi korporat seperti di Lembaga Tabung Haji, Bank Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Takaful Nasional serta di beberapa institusi kewangan dan bank seperti Bank Rakyat, Bank RHB dan Bank Pembangunan. Beliau juga pernah dilantik sebagai Penasihat Syariah bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Pada masa sekarang, Dr. Ab. Halim bin Muhammad ialah Ahli Jawatankuasa Syariah Amanah Saham ANGKASA, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Apex Investment Services Berhad (Dana-dana Syariah) dan Al-'Aqar Healthcare REIT. Beliau mula dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah ASDI pada 1 April 2006.

### **Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman**

Prof. Dr. Muhamad Rahimi Osman telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah ASDI pada 18 Jun 2016. Beliau kini merupakan Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Dr. Muhamad Rahimi menyertai UiTM, Shah Alam pada tahun 1988 sebagai staf akademik di Pusat Pendidikan Islam. Di UiTM, beliau telah memegang beberapa jawatan pentadbiran, termasuk Penyelaras Sains Islam sosial, Ketua Unit Zakat, Timbalan Pengarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) dan Pengarah Zakat Research Institute of Malaysia (IKaZ).

Dr. Muhamad Rahimi merupakan ahli Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (ASAS), Pengerusi Jawatankuasa Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad (1 Jan 2015 – 31 Dis 2017), Ahli Majlis Dakwah Negara (MDN) YADIM dan Panel Pakar dan Penilai Manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau juga adalah ahli Senat Universiti serta ahli Majlis Dekan Pengajian Islam, Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan beberapa jawatankuasa lain di dalam dan di luar universiti.

Dr. Muhammad Rahimi telah menulis buku-buku dan kertas kerja yang dibentangkan di seminar kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan ekonomi, perbankan dan kewangan Islam. Artikel beliau telah diterbitkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa.

Dr. Muhammad Rahimi memegang Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi Islam dari Universiti Yarmouk, Jordan dan Doktor Falsafah (PhD) dalam Perbankan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

### **Abdul Halim bin Awang @ Sulong**

Abdul Halim bin Awang @ Sulong dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah Amanah Saham Darul Iman pada 28 April 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Jayyid) dari Universiti Islam Madinah, Arab Saudi pada tahun 1995 dan Ijazah Sarjana (Fiqh dan Usul Fiqh) dari Universiti Dar Hadis Al Hassaniah Rabat, Morocco pada tahun 1997. Beliau sekarang sedang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D) di Universiti Malaya.

Abdul Halim bin Awang @ Sulong merupakan Pensyarah Pengajian Kontemporari Islam (1998 – sekarang) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), tenaga pengajar dalam slot rancangan agama (Fiqh Muamalat) di Radio Terengganu FM (2004 – sekarang) dan penceramah kursus motivasi di Institut Latihan Islam Malaysia, Wilayah Timur (ILTM) (2010 – sekarang).

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Mufti di Jabatan Mufti, Negeri Terengganu (2008 - 2010), Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, Majlis Fatwa Negeri Terengganu (2008 -2009), Ahli Lembaga Pengarah, Syarikat Pajak Gadai Ar Rahn, Negeri Terengganu dan Penggubal sukatan pelajaran dan buku teks Sekolah Menengah Imtiyaz Negeri Terengganu (2010).

Sebelum dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah ASDI, beliau telah mengikuti kursus-kursus/latihan-latihan yang dianjurkan oleh Securities Industry Development Corporation (SIDC) dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia seperti Shariah Professionals Programme for Islamic



Amanah Saham Darul Iman

Capital Market dan i-Advisory Module dan Islamic Fund Management dan lain-lain kursus yang berkaitan dengan industri unit amanah.

**Anda boleh melayari laman web kami di [www.asditrg.com](http://www.asditrg.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Pengurus, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Syariah dan pengurus dana.**

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**

## 6 PEMEGANG AMANAH

### MAKLUMAT KORPORAT





CIMB Islamic Trustee Berhad adalah merupakan pemegang amanah kepada ASDI. CIMB Islamic Trustee Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia sejak 1988 dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, dengan alamat berdaftar di Aras 13, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

### PENGALAMAN DI DALAM PERNIAGAAN AMANAH

CIMB Islamic Trustee Berhad terlibat di dalam industri Dana Unit Amanah sejak tahun 1990 dan telah menjadi pemegang amanah kepada Dana Pelaburan Amanah Harta (REIT), Dana Unit Amanah, Dana Borong dan Skim Persaraan Swasta.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG AMANAH

Tugas-tugas dan tanggungjawab Pemegang Amanah adalah seperti berikut :-

-  Pemegang Amanah akan menjalankan segala urusan yang patut, dan berwaspada di dalam menjalankan tugas dan kewajipannya dengan menjaga hak dan kepentingan Pemegang Unit termasuk memastikan bahawa Pengurus dan / atau wakil syarikatnya akan menguruskan Amanah di bawah taklukan Surat ikatan, Garis panduan, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan mana-mana tata amalan perniagaan yang dapat di terima dan berkesan;
-  Pemegang Amanah akan memastikan bahawa selama tempoh Amanah berkuat kuasa, sebuah Surat ikatan yang berdaftar akan turut juga berkuat kuasa pada tempoh tersebut;
-  Pemegang Amanah akan memastikan bahawa sistem, prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus dalam mentadbir urusan pelaburan, akaun dan harta milik Amanah adalah mencukupi dan konsisten dengan Surat ikatan, Garis panduan dan mana-mana undang-undang yang bertulis; dan
-  Pemegang Amanah akan menyerahkan apa-apa kenyataan, dokumen-dokumen, rekod-rekod dan apa-apa maklumat yang lain yang berhubung dengan Amanah dan perniagaan Pemegang Amanah kepada Suruhanjaya Sekuriti apabila diminta oleh Suruhanjaya Sekuriti dari masa ke semasa.

### KENYATAAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG AMANAH

Pemegang Amanah sedia dan sanggup untuk bertindak selaku kedudukannya bersekali dengan kewajipan dan tanggungjawabnya di bawah Surat ikatan, semua undang-undang bertulis yang berkaitan dan peraturan-peraturannya. Pemegang Amanah adalah bebas daripada Pengurus dari segi kewangan dan akan bertindak menjalankan transaksi berdasarkan terma yang terbaik untuk Tabung. Pemegang Amanah juga mempunyai proses tersendiri untuk memastikan tidak berlakunya percanggahan kepentingan dengan Pengurus.

### PENDAKWAAN DAN PENGADILAN

Sehingga 28 Feb 2017, Pemegang Amanah tidak pernah dan belum terlibat di dalam mana-mana pendakwaan/pertuduhan atau pengadilan, sama ada yang masih tertangguh atau digugat olehnya dan mana-mana fakta yang mungkin menimbulkan atau seakan membawa sebarang tindakan undang-undang yang akan menjejaskan kedudukan kewangan/urusniaga Pemegang Amanah.



Amanah Saham Darul Iman

### **WAKIL PEMEGANG AMANAH**

CIMB Islamic Trustee Berhad telah melantik CIMB Bank Berhad (CIMB Bank) sebagai kustodian kepada aset-aset dana. Syarikat induk muktamad CIMB Islamic Bank Berhad adalah CIMB Group Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dan kini pembekal perkhidmatan kewangan yang kedua terbesar di Malaysia.

CIMB Bank menyediakan perkhidmatan kustodian termasuk pemprosesan penyelesaian, penyimpanan selamat, perkhidmatan berkaitan korporat termasuk wang dan laporan keselamatan, pungutan hasil pendapatan dan pemprosesan acara-acara korporat, semua jenis aset pelaburan dan kelas, untuk rentas pelabur dan pelanggan perantara asas, dalam mahupun di luar negeri.

Bagi semua aset Ringgit tempatan, ia akan diadakan melalui syarikat subsidiari milik penuh penama "CIMB Group Nominees (Tempatan) Sdn Bhd". Bagi semua aset asing bukan Ringgit, CIMB Bank melantik kustodian global sebagai ejen bank untuk menyelesaikan dan penyimpanan dengan selamat bagi pihak dan dengan perintah.

Semua pelaburan adalah didaftarkan secara automatik atas nama Dana. CIMB Bank hanya akan bertindak atas arahan daripada Pemegang Amanah.

### **OBLIGASI PEMEGANG AMANAH**

Obligasi Pemegang Amanah bagi wang yang dibayar oleh pelabur bagi permohonan unit bermula apabila wang diterima di dalam akaun Pemegang Amanah bagi dana-dana berkenaan dan obligasi Pemegang Amanah akan terlaksana dan selesai sebaik sahaja ia telah membayar amaun penebusan tersebut kepada Pengurus.

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**



## 7 TERMA-TERMA KETARA SURAT IKATAN

Bab ini merupakan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan hak dan tanggungan Pemegang Unit, persaraan, pemecatan atau penggantian Pengurus dan Pemegang Amanah, penamatan Tabung Amanah dan juga Fasal mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang diperuntukan di dalam Surat ikatan.

### HAK PEMEGANG UNIT

- Pemegang Unit berhak menerima pengagihan pendapatan (sekiranya ada), mendapat kenaikan harga unit-unit dan apa-apa hak dan keistimewaan yang diperuntukkan di dalam Surat ikatan.
- Pemegang Unit berhak memanggil mesyuarat Pemegang Unit dan juga mengundi untuk memecat Pemegang Amanah atau Pengurus melalui suatu Mesyuarat/Resolusi Agung Luar Biasa.
- Pemegang Unit (bagi pelabur yang baru pertama kali melabur) mempunyai hak melaksanakan tempoh penelitian untuk menarik balik pelaburan.
- Pemegang Unit berhak menerima laporan Pengurus untuk setiap setengah tahun dan akhir tahun akruan.

### SEKATAN PEMEGANG UNIT

- Pemegang Unit tidak berhak untuk memohon pindahmilik mana-mana aset Tabung kepadanya atau menyoal tindakan Pemegang Amanah atau Pengurus bagi pihaknya di atas hak-hak Pemegang Amanah sebagai pemilik aset-aset itu.
- Pemegang Unit juga tidak berhak menghadiri sebarang mesyuarat pemegang saham di mana Tabung melabur, atau mengundi di mesyuarat-mesyuarat tersebut atas alasan pegangan unitnya di dalam Tabung ini.

### TANGGUNGAN PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit tidak, dengan sebab perhubungan yang terbit di antara Pemegang Unit, Pemegang Amanah dan Pengurus, bertanggungjawab ke atas mana-mana jumlah yang melebihi harga belian yang dibayar untuk unit-unit seperti yang ditetapkan di bawah Surat ikatan pada masa unit-unit tersebut dibeli dan sebarang bayaran berkaitan dengannya di bawah peruntukan Surat ikatan. Pemegang unit juga tidak mempunyai apa-apa kewajipan menggantirugi Pemegang Amanah dan/atau Pengurus sekiranya liabiliti yang ditanggung oleh Pemegang Amanah dan Pengurus atas nama atau bagi pihak Amanah berdasarkan kepada dan/atau dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Surat ikatan melebihi nilai aset kasar Tabung dan sebarang hak untuk menggantirugi oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus adalah terhad kepada Tabung itu sahaja.

### YURAN DAN CAJ MAKSIMA YANG DIBENARKAN

Peruntukan di dalam Surat ikatan membenarkan Pengurus mengenakan caj jualan sehingga 10% daripada NAB seunit dan caj tebusan (belian balik) tidak melebihi 5 sen seunit. Pengurus juga layak menerima yuran tahunan pada kadar maksima 1.5% setahun di atas Nilai Aset Kasar Tabung yang dikira berdasarkan asas harian manakala Pemegang Amanah layak mendapat yuran tahunan pada kadar tidak melebihi 0.1% dan tidak kurang daripada 0.08% setahun yang diakru secara asas harian di atas Nilai Aset Kasar Tabung.



## **KENAIKAN KADAR YURAN DAN CAJ DARIPADA KADAR YANG DINYATAKAN DI DALAM PROSPEKTUS DAN KADAR MAKSIMA SURAT IKATAN**

Kadar yuran tahunan Pengurus hanya boleh dinaikkan jikalau Pengurus dan Pemegang Amanah telah bersetuju untuk menaikkan yuran tersebut dan setelah Pemegang-pemegang Unit diberitahu tentang kenaikan tersebut. Tarikh kuat kuasa kenaikan yuran tersebut mestilah juga dinyatakan dan prospektus tambahan/baru mestilah dikeluarkan dahulu di mana yuran tahunan Pengurus yang baru telah juga dinyatakan. Tarikh kenaikan yuran tahunan Pengurus mestilah tidak lebih daripada sembilan puluh (90) hari daripada pengeluaran prospektus tambahan/baru.

Yuran tahunan Pemegang Amanah akan ditentukan oleh Pemegang Amanah sendiri, atas nasihat Pengurus dan akan sepadan dengan watak dan tanggungjawab yang telah dipikul oleh Pemegang Amanah selain mengambilkira kepentingan Pemegang Unit.

Caj jualan dan belian balik hanya boleh dinaikkan melebihi kadar yang dinyatakan di dalam Prospektus setelah Pemegang Amanah dimaklumkan secara bertulis tentang kadar baru dan tarikh berkuat kuasa dan satu prospektus baru atau tambahan dikeluarkan.

Sebarang kenaikan melebihi had maksima yang diperuntukkan dalam surat ikatan sedia ada hanya boleh dibuat selepas kelulusan daripada pemegang-pemegang unit diperolehi.

## **PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN**

Ringkasan peruntukan-peruntukan dalam Surat ikatan membenarkan Pemegang Amanah membayar daripada Tabung perbelanjaan yang bersangkutan dengan urusan/niaga berikut :

- i. semua yuran yang dikenalpasti oleh Surat ikatan untuk dibayar daripada Tabung kepada Pemegang Amanah dan Pengurus seperti yang ditetapkan ;
- ii. semua yuran dan tuntutan dari Juruaudit ;
- iii. yuran profesional dan perakaunan serta tuntutan yang diluluskan oleh Pemegang Amanah ;
- iv. belanja mencetak dan menghantar laporan-laporan setengah tahun dan tahunan, baucar-baucar cukai, waran pengagihan pendapatan, notis-notis mesyuarat Pemegang Unit, iklan-iklan akhbar mengikut Fasal 45 Surat ikatan dan lain-lain belanja seumpamanya ;
- v. yuran penilaian yang berkaitan dengan Tabung ;
- vi. duti dan cukai yang berkaitan dengan Tabung ;
- vii. belanja yang dihasilkan daripada pengubahsuaian ke atas Surat ikatan ; dan
- viii. belanja yang dihasilkan untuk mana-mana mesyuarat Pemegang Unit.

## **PERSARAAN, PEMECATAN ATAU PENGGANTIAN PENGURUS**

Pengurus mempunyai kuasa untuk bersara dan digantikan dengan badan korporat lain seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang bertulis di mana notis bertulis dua belas (12) bulan diberi kepada Pemegang Amanah mengenai hasratnya untuk berbuat demikian atau untuk sebarang jangkamasa yang singkat yang dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah dan tertakluk kepada peruntukan Surat ikatan.

Pengurus juga boleh dipecat, diganti atau ditamatkan melalui notis bertulis oleh Pemegang Amanah dalam mana-mana keadaan berikut:

- jika Pengurus akan dibubarkan (kecuali pembubaran secara sukarela untuk tujuan penyusunan semula atau penggabungan di atas syarat-syarat yang diluluskan secara bertulis oleh Pemegang








Amanah) atau telah tidak lagi meneruskan perniagaan atau jika Penerima akan dilantik untuk aset-aset Pengurus atau mengambilalih mana-mana Pemegang Gadaian melaksanakan hak mereka ke atas aset-aset Pengurus;

- jika suatu Resolusi Khas telah diluluskan oleh Pemegang Unit untuk memecat Pengurus;
- jika Pengurus telah melanggar kewajipan-kewajibannya yang diperuntukkan di bawah Surat ikatan; dan
- jika Pengurus telah gagal atau cuai semasa melaksanakan tugas-tugasnya yang mana sepatutnya dikehendaki oleh Pemegang Amanah dan pada pertimbangan Pemegang Amanah bahawa demi kepentingan Pemegang Unit, mereka harus memecat Pengurus, setelah Pemegang Amanah memberi notis kepada mereka di atas pandangan tersebut dan alasan-alasannya, serta telah mengambil kira apa-apa penjelasan daripada Pengurus di atas pandangan berkenaan, dengan kelulusan Pemegang Unit.

### **PERSARAAN, PEMECATAN ATAU PENGGANTIAN PEMEGANG AMANAH**

Ringkasan peruntukan-peruntukan di dalam Surat ikatan berhubung dengan persaraan, pemecatan atau penggantian Pemegang Amanah adalah seperti berikut :-

-  Pemegang Amanah boleh bersara dengan memberi notis dua belas (12) bulan kepada Pengurus mengenai hasratnya untuk berbuat demikian, atau tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah, dan melalui Surat ikatan dia boleh melantik untuk menggantikannya atau melantik Pemegang Amanah tambahan sebagai Pemegang Amanah yang baru dengan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti;
-  Pemegang Amanah boleh dipecat dan Pemegang Amanah yang lain dilantik melalui Resolusi Luarbiasa yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Luar Biasa Pemegang Unit yang mana notis telah diberikan kepada Pemegang Amanah dan Pengurus. Pengurus bersetuju dengan Pemegang Unit bahawa di atas penerimaan permohonan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 45(4A) Surat ikatan untuk memanggil mesyuarat Pemegang Unit untuk tujuan menimbang dan jika difikirkan patut, meluluskan resolusi untuk memecat Pemegang Amanah; dan
-  Jikalau Pemegang Amanah mengambil keputusan untuk bersara daripada mengendalikan Amanah atas apa jua sebab, Pemegang Amanah hanya akan berhenti daripada menjawat jawatannya setelah Pengurus melantik pihak lain yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk menjadi Pemegang Amanah yang baru.

### **PENAMATAN TABUNG AMANAH**

Pemegang Amanah boleh menamatkan hayat Tabung mengikut peruntukan Surat ikatan di dalam keadaan sebagaimana berikut :-

- jika sekiranya Pengurus dibubarkan, atau dimana Pengurus telah berhenti daripada menjalankan perniagaan, atau Pengurus telah gagal mematuhi Surat ikatan, atau melanggar mana-mana peruntukan dalam Akta, maka Pemegang Amanah hendaklah mengarahkan satu mesyuarat Pemegang Unit diadakan dengan :-
  - i. memberi suatu notis kepada setiap Pemegang Unit di alamat terakhir yang diketahui dalam masa tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum mesyuarat yang dicadangkan; dan
  - ii. memberi notis tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum mesyuarat yang dicadangkan, melalui iklan-iklan dalam akhbar kebangsaan dan juga di dalam akhbar yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang diedarkan diseluruh Malaysia.
- Pemegang Amanah hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan Garis panduan, Akta, dan/atau mana-mana undang-undang yang bertulis dan jika pada mesyuarat Pemegang Unit yang diadakan



mengikut Fasal 45 Surat ikatan, satu Resolusi Luarbiasa telah diluluskan oleh Pemegang Unit pada mesyuarat tersebut bahawa Tabung ditamatkan, Pemegang Amanah hendaklah menamatkan Tabung dengan sewajarnya.

#### **MESYUARAT PEMEGANG-PEMEGANG UNIT**

Fasal 45 Surat ikatan membolehkan Pemegang Amanah atau Pengurus memanggil/mengadakan mesyuarat Pemegang-pemegang Unit. Di bawah peruntukan ini Pemegang Amanah atau Pengurus hendaklah :-

- memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari bekerja berhubung apa-apa mesyuarat mengikut Fasal 48 Surat ikatan dan notis berkenaan mestilah menyatakan urusan/perkara yang hendak dijalankan ;
- dalam mana-mana kes tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari setelah Pengurus menerima permohonan di pejabat berdaftar tidak kurang daripada lima puluh (50) atau satu per sepuluh (1/10) daripada bilangan Pemegang Unit (yang mana lebih rendah), Pengurus hendaklah memanggil mesyuarat :-
  - i. dengan memberi notis melalui surat kepada setiap Pemegang Unit di alamat terakhir yang diketahui sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat yang dicadangkan ; dan
  - ii. dengan memberi notis melalui iklan-iklan di akhbar berbahasa Melayu yang diedarkan seluruh Malaysia dan di akhbar yang diluluskan oleh SC,

bagi tujuan membentangkan Penyata Kewangan terkini Tabung atau memberi sebarang arahan kepada Pemegang Amanah sebagaimana difikirkan sesuai dalam dan oleh mesyuarat tersebut.

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**



## 8 SYARAT-SYARAT DAN KELULUSAN

### SYARAT-SYARAT/ PENGECCUALIAN

Syarikat Pengurusan telah diberi pengecualian oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Seksyen 96(1) Akta Syarikat 1965 daripada mematuhi Seksyen 88(1)(d) Akta tersebut. Dengan pengecualian tersebut, Pengurus dibenarkan untuk melabur bagi pihak ASDI di dalam syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya. Namun demikian, syarikat Pengurus disyaratkan mendapatkan kelulusan daripada Pemegang Amanah di bawah Seksyen 297(4) Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007 sebelum membuat pelaburan berkenaan.

Berikutan dengan penguatkuasaan Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007, tanggungjawab kawalselia, penguatkuasaan dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan industri amanah saham diletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti. Berasaskan kepada Seksyen 381(3) dan 386(1) Akta berkenaan, semua pengecualian yang diberi sebelum ini di bawah mana-mana undang-undang bertulis, termasuk pengecualian ini, masih sah dan boleh digunapakai.

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**



## **9 TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN/ PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**

### **TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN**

Sehingga 17 Feb 2017, sebanyak 376,989,116 unit dipegang oleh Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu yang merupakan pihak berkait dengan Pengurus. Sekiranya berlaku percanggahan kepentingan, tindakan-tindakan berikut akan diambil:-

1. Tidak mengundi untuk meluluskan atau menolak sebarang usul yang dibincangkan; dan
2. Pengurus dan/atau mereka yang mewakili syarikat akan memastikan Tabung tidak dijejas.

### **PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**

Mereka yang mewakili syarikat akan mengelakkan dari berlakunya percanggahan kepentingan apabila menguruskan sebarang urusan bagi pihak Tabung ASDI yang diuruskan. Sekiranya ianya berlaku, tindakan-tindakan berikut akan diambil:-

1. Pengarah-pengarah, Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan, Pengurus dan Pemegang Amanah akan memaklumkan mengenai kepentingan mereka di dalam mana-mana urusan yang dibincangkan di dalam mesyuarat;
2. Pengurus dan/atau mereka yang mewakili syarikat akan memastikan Tabung tidak dijejas;
3. Pelantikan atau membaharui pelantikan mana-mana wakil atau pembekal perkhidmatan yang merupakan pihak berkaitan dengan Pengurus, hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Bebas Pengurus; dan
4. Mana-mana percanggahan kepentingan, jika ada, akan didedahkan di dalam Prospektus.

Transaksi dengan syarikat/pihak berkaitan dilaksanakan mengikut urusan normal perniagaan di mana ianya berasaskan terma dan syarat-syarat yang tidak berbeza dengan transaksi yang dijalankan dengan syarikat-syarikat/pihak-pihak lain.

Badan profesional yang berkapasiti sebagai penasihat seperti firma guaman dan juruaudit/akauntan melapor tidak memiliki sebarang kepentingan dalam Tabung dan tiada percanggahan kepentingan wujud.

## 10 PERCUKAIAN

Ernst & Young Tax Consultants Sdn. Bhd.  
Unit 10 D-J, Level 10, Menara Zenith  
Jalan Putra Square 6  
25200 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

19 April 2017

Lembaga Pengarah  
PTB Unit Trust Berhad  
29.01 KT Business Centre (KTBC)  
Jalan Sultan Mohamad  
21100 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman

Tuan

### **Percukaian amanah saham dan pemegang-pemegang unit**

Surat ini telah disediakan untuk disertakan bersama Prospektus ini yang akan bertarikh 31 Mei 2017, berhubung dengan tawaran unit-unit dalam amanah saham ini yang dikenali sebagai Amanah Saham Darul Iman (selepas ini disebut sebagai "Dana").

Tujuan surat ini ialah untuk memberi gambaran secara am kepada bakal pemegang-pemegang unit mengenai kesan percukaian ke atas Dana ini dan pemegang-pemegang unit.

### **Percukaian dana**

Percukaian Dana ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), khususnya, Seksyen-seksyen 61 dan 63B.

Tertakluk kepada pengecualian tertentu, pendapatan yang diterima oleh Dana yang terdiri daripada pendapatan laba dan pendapatan pelaburan lain yang diperolehi dari atau terakru di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia pada kadar 24% berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 2016, selepas ditolak perbelanjaan yang layak diberi potongan cukai.

Di bawah Seksyen 2(7) ACP, sebarang rujukan kepada "faedah" juga merangkumi secara *mutatis mutandis*, laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat, sebagai ganti faedah, dalam transaksi-transaksi yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Ini bermakna, sebarang laba atau keuntungan yang diterima (selepas ini disebut sebagai "laba") dan perbelanjaan yang dilakukan sebagai ganti faedah dalam transaksi-transaksi yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah, akan diberi perlakuan cukai yang sama sepertimana yang diberikan kepada faedah.

Perbelanjaan yang layak diberi potongan cukai adalah merangkumi perbelanjaan di bawah Seksyen 33(1) dan Seksyen 63B ACP. Seksyen 33(1) adalah peruntukan am yang membenarkan potongan cukai ke atas perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan keseluruhannya dan semata-matanya untuk penghasilan pendapatan kasar daripada sumber yang berkenaan. Seksyen 63B pula membenarkan amanah saham mendapat potongan ke atas sebahagian daripada perbelanjaan-perbelanjaan lain (dirujuk sebagai "perbelanjaan yang dibenarkan") yang tidak berkait secara langsung kepada penghasilan pendapatan, seperti yang dijelaskan di bawah.



“Perbelanjaan yang dibenarkan” merujuk kepada perbelanjaan-perbelanjaan berikut yang dilakukan oleh Dana, yang tidak layak mendapat potongan di bawah peruntukan Seksyen 33(1) ACP:

- ganjaran pengurus
- pengendalian daftar pemegang-pemegang unit
- perbelanjaan pendaftaran saham
- bayaran-bayaran sekretarial, audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis dan bayaran pos.

Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenarkan ini diberi potongan di bawah peruntukan Seksyen 63B ACP mengikut formula berikut:

$$\frac{A \times B}{4C}$$

- di mana
- |   |  |
|---|--|
| A | adalah jumlah perbelanjaan yang dibenarkan dilakukan bagi tempoh asas itu;   |
| B | adalah pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen <sup>1</sup> , faedah dan sewa yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas itu; dan  |
| C | ialah agregat pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen <sup>2</sup> dan faedah (sama ada dividen atau faedah tersebut dikecualikan daripada cukai atau tidak), sewa, dan keuntungan yang diperolehi daripada realisasi pelaburan-pelaburan (sama ada boleh dikenakan cukai atau tidak) bagi tempoh asas itu, |

dengan syarat bahawa jumlah potongan yang dibuat tidak boleh kurang daripada 10% daripada jumlah perbelanjaan yang dibenarkan yang dilakukan bagi tempoh asas itu.

### **Pendapatan yang dikecualikan**

Pendapatan-pendapatan berikut yang diterima oleh Dana adalah dikecualikan cukai:

- **Dividen berpunca daripada sumber di Malaysia**

Semua dividen berpunca daripada sumber di Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

- **Faedah (laba) berpunca daripada sumber di Malaysia**

- (i) Faedah daripada sekuriti/bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia;
- (ii) Faedah daripada debentur atau sukuk (selain daripada stok pinjaman yang boleh ditukar) yang diluluskan atau diberikuasa oleh, atau dikemukakan dengan, Suruhanjaya Sekuriti;
- (iii) Faedah daripada Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia;
- (iv) Faedah yang diperolehi daripada Malaysia yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013<sup>2</sup>;

---

<sup>1</sup> Menurut Seksyen 15, Akta Kewangan 2011 yang berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2011, pendapatan dividen disifatkan termasuk pendapatan yang diagihkan dari amanah saham termasuk agihan daripada amanah saham harta tanah (Real Estate Investment Trusts).



- (v) Faedah yang diperolehi daripada Malaysia yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002<sup>2</sup>;
- (vi) Faedah daripada sukuk yang berpunca dari Malaysia, selain daripada stok pinjaman yang boleh ditukar, yang diterbitkan dalam sebarang matawang selain daripada Ringgit Malaysia dan yang diluluskan atau diberikuasa oleh, atau dikemukakan dengan, Suruhanjaya Sekuriti atau diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA)<sup>3</sup>; dan
- (vii) Faedah yang diberikan pengecualian cukai khusus melalui perintah berkanun atau pengecualian cukai lain secara khusus yang diberikan oleh Menteri.

- **Diskaun**

Pengecualian cukai akan diberikan ke atas diskaun yang dibayar atau dikredit kepada mana-mana amanah saham berhubungan dengan pelaburan-pelaburan yang disebutkan dalam butiran (i), (ii) dan (iii) di atas.

### **Pendapatan sumber asing**

Dividen, laba serta lain-lain pendapatan yang berpunca daripada sumber-sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia oleh amanah saham yang bermastautin di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, pendapatan tersebut mungkin tertakluk kepada percukaian di negara dari mana ianya diperolehi.

### **Keuntungan daripada realisasi pelaburan-pelaburan**

Menurut Seksyen 61(1)(b) ACP, keuntungan daripada realisasi pelaburan-pelaburan tidak dianggap sebagai pendapatan Dana dan justeru itu, tidak dikenakan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, keuntungan daripada realisasi pelaburan-pelaburan ini mungkin dikenakan cukai keuntungan harta tanah di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 ("Akta CKHT"), sekiranya keuntungan tersebut diterima daripada jualan aset-aset yang boleh dikenakan cukai, sepertimana yang diperuntukan di dalam Akta CKHT.

### **Cukai barang dan perkhidmatan (CBP)**

Berkuat kuasa dari 1 April 2015, CBP yang dilaksanakan pada kadar standard 6%, telah menggantikan sistem Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan yang sedia ada. Berdasarkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang telah diwartakan pada 19 Jun 2014, dana-dana adalah dianggap sebagai membuat pembekalan dikecualikan dan tidak perlu didaftarkan bagi tujuan CBP. Perbelanjaan yang tertentu yang ditanggung oleh dana-dana seperti yuran pengurusan, yuran pemegang amanah dan lain-lain caj pengurusan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar 6%. Oleh sebab dana-dana membuat pembekalan dikecualikan, cukai input yang ditanggung oleh dana-dana secara umumnya tidak boleh dituntut semula.

---

<sup>2</sup> Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2017, pengecualian cukai atas faedah di atas hanya dibenarkan bagi dana borong yang merupakan dana pasaran wang sekiranya dana borong tersebut mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam Garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

<sup>3</sup> Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2017, pengecualian cukai adalah tidak dibenarkan bagi faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama atau faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada sebuah bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau sebuah institusi pembangunan kewangan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.



## Percukaian pemegang-pemegang unit

Untuk tujuan cukai pendapatan Malaysia, pemegang-pemegang unit akan ditaksir ke atas pengagihan yang diterima daripada Dana.

Secara amnya, pendapatan pemegang-pemegang unit terdiri daripada kategori seperti berikut:

1. Pengagihan yang boleh dikenakan cukai; dan
2. Pengagihan yang tidak dikenakan cukai dan yang dikecualikan daripada cukai.

Juga, pemegang-pemegang unit mungkin memperoleh keuntungan daripada penjualan unit-unit Dana.

Implikasi percukaian terhadap setiap kategori pendapatan yang tersebut di atas dijelaskan di bawah.

### 1. Pengagihan yang boleh dikenakan cukai

Pengagihan yang diterima daripada Dana perlu dikasarkan (“grossed up”) untuk mengambilkira cukai yang dikenakan ke atas Dana (“the underlying tax paid by the Fund”). Seterusnya, pemegang unit akan dikenakan cukai ke atas amaun yang telah dikasarkan.

Kredit cukai (tax credit) dari pengagihan tersebut boleh digunakan untuk mengurangkan cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh pemegang unit. Jika kredit cukai melebihi tanggungan cukai pemegang unit, lebihan tersebut akan dibayar balik kepada pemegang unit.

Sila rujuk kepada perenggan di bawah untuk kadar cukai yang ditetapkan.

### 2. Pengagihan yang tidak dikenakan cukai dan yang dikecualikan cukai

Pemegang-pemegang unit tidak akan dikenakan cukai pendapatan di Malaysia ke atas pengagihan yang dibuat daripada keuntungan realisasi pelaburan-pelaburan dan pendapatan yang dikecualikan cukai yang diperolehi oleh Dana.

## Kadar-kadar cukai

Cukai Malaysia yang dikenakan ke atas pemegang-pemegang unit adalah bergantung kepada taraf bermastautin cukai serta sama ada pemegang-pemegang unit adalah seorang individu, badan korporat atau badan amanah. Kadar cukai yang dikenakan adalah seperti berikut:

Pemegang unit	Kadar cukai di Malaysia
<p>Pemastautin di Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu dan badan-badan bukan korporat (seperti pertubuhan dan persatuan)</li> <li>• Koperasi<sup>4</sup></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar cukai secara progresif, iaitu dari 0% hingga 28%</li> <li>• Kadar cukai secara progresif, iaitu dari 0% hingga 24%</li> </ul>

<sup>4</sup> Menurut Perenggan 12(1), Jadual 6 ACP, pendapatan mana-mana koperasi –  
 (a) berkenaan dengan tempoh selama lima tahun bermula daripada tarikh pendaftaran koperasi tersebut; dan  
 (b) selepas tempoh lima tahun tersebut, jika wang ahli koperasi tersebut (mengikut definisi yang diberi di dalam Perenggan 12(2)) pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran itu kurang daripada tujuh ratus lima puluh ribu ringgit adalah dikecualikan daripada cukai.





<ul style="list-style-type: none"> <li>• Badan amanah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24% (Nota 1)</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Korporat:             <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Syarikat dengan modal berbayar yang terdiri dari saham biasa tidak melebihi RM2.5juta (pada permulaan tempoh asas tahun taksiran)<sup>5</sup></li> <li>(ii) Syarikat selain dari perenggan (i) di atas</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi pendapatan bercukai RM500,000 yang pertama : 19%<sup>6</sup></li> <li>• Pendapatan bercukai yang melebihi RM500,000 : 24% (Nota 1)</li> <li>• 24% (Nota 1)</li> </ul>
Bukan pemastautin di Malaysia (Nota 2): <ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu dan badan-badan bukan korporat</li> <li>• Pemegang unit korporat dan badan amanah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 28%</li> <li>• 24% (Nota 1)</li> </ul>

#### Nota 1:

Berdasarkan ucapan Bajet 2017, adalah dicadangkan bahawa kadar cukai korporat 24% dikurangkan sebanyak satu sehingga empat peratus berdasarkan peratus kenaikan pendapatan bercukai berbanding tahun taksiran sebelumnya bagi tahun-tahun taksiran 2017 dan 2018.

Maklumat lanjut berkenaan cadangan di atas masih belum dikeluarkan. Syarat-syarat kelayakan untuk kadar pengurangan cukai di atas dijangka akan dikeluarkan dengan lebih terperinci. Kadar pengurangan cukai pendapatan ini (yang mana berkenaan) hanya dikenakan ke atas jumlah kenaikan pendapatan bercukai (iaitu perbezaan antara pendapatan bercukai tahun taksiran semasa dengan pendapatan bercukai tahun taksiran sebelumnya).

#### Nota 2:

Pemegang-pemegang unit bukan pemastautin mungkin dikenakan cukai di negara masing-masing. Layanan cukai ini tertakluk kepada peruntukan perundangan cukai di negara mereka setelah mengambilkira mana-mana perjanjian cukai dua kali dengan Malaysia yang sedia ada.

### **Keuntungan daripada penjualan unit-unit**

Pada amnya, keuntungan yang diperolehi daripada penjualan unit tidak akan dikenakan cukai ke atas pemegang-pemegang unit kecuali syarikat-syarikat insuran, institusi-institusi kewangan atau pemegang unit yang terbabit di dalam perniagaan saham atau sekuriti.

<sup>5</sup> Sesebuah syarikat tidak layak untuk kadar cukai 19% bagi pendapatan bercukai RM500,000 pertama jika:-

- a) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat tersebut dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas sesebuah tahun taksiran;
- b) syarikat tersebut memiliki secara langsung atau tidak langsung lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat yang berkaitan yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas sesebuah tahun taksiran;
- c) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat tersebut dan syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas sesebuah tahun taksiran dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

<sup>6</sup> Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2017, kadar cukai korporat dikurangkan dari 19% ke 18%.



### **Pemecahan unit dan pelaburan semula pengagihan**

Pemegang-pemegang unit juga mungkin menerima unit-unit baru akibat daripada pemecahan unit atau boleh memilih sama ada untuk melabur semula pengagihan mereka. Implikasi percukaian transaksi ini adalah seperti berikut:

- Pemecahan unit – unit-unit baru yang diterbitkan oleh Dana mengikut pecahan unit tidak akan dikenakan cukai.
- Pelaburan semula pengagihan – pemegang-pemegang unit boleh memilih sama ada untuk melabur semula pendapatan pengagihan mereka di dalam unit-unit baru dengan menghubungi pengurus Dana. Sekiranya pelaburan semula dilakukan, pemegang-pemegang unit ini dianggap telah menerima pengagihan tersebut dan melaburkannya semula di dalam Dana.

\*\*\*\*\*

Dengan ini, kami mengesahkan bahawa pada tarikh surat ini, segala kenyataan yang dibuat di dalam surat ini menepati pemahaman kami mengenai kedudukan cukai di bawah perundangan cukai Malaysia termasuk penafsiran dan amalan yang berkaitan, di mana kesemuanya ini adalah tertakluk kepada pindaan yang mungkin berkuat kuasa secara retrospektif. Kami tidak dilantik seterusnya atau bertanggungjawab untuk mengawasi atau mengemaskini kenyataan-kenyataan dalam surat ini untuk keadaan masa hadapan yang mungkin ada kesan terhadap kenyataan-kenyataan tersebut.

Kenyataan-kenyataan yang dibuat di dalam surat ini tidak bertujuan sebagai suatu analisa lengkap mengenai kesan cukai ke atas pelabur dalam Dana ini. Memandangkan situasi setiap pelabur mungkin berbeza, kami mengesyorkan agar para pelabur mendapatkan nasihat bebas (“independent advice”) berkenaan dengan isu-isu percukaian yang berkaitan dengan pelaburan di dalam Dana ini.

Yang benar  
**Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd**

Asaithamby Perumal  
Rakan Kongsi

Ernst & Young Tax Consultants Sdn. Bhd. telah memberi persetujuan untuk menyertakan Surat Penasihat Cukai di dalam konteks dan bentuk ianya disiarkan dalam Prospektus ini dan tidak menarik balik kebenaran tersebut sebelum tarikh Prospektus ini diterbitkan.



# 11 MAKLUMAT-MAKLUMAT TAMBAHAN

## MAKLUMAT PERKEMBANGAN ASDI

Pelabur-pelabur dan bakal pelabur boleh mengikuti dan mendapatkan maklumat berhubung dengan perkembangan Tabung ASDI melalui laporan-laporan Setengah Tahun dan Tahunan yang dikeluarkan dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh tahun kewangan Setengah Tahun dan Tahunan.

Maklumat terkini turut disiarkan di laman web ASDI di alamat [www.asditrg.com](http://www.asditrg.com). Sebarang pertanyaan mengenai Tabung atau Pengurus boleh juga dikemukakan melalui e-mail PUTB iaitu : [putb@ptbgroup.com.my](mailto:putb@ptbgroup.com.my)

PUTB melaporkan NAB seunit semasa ASDI dalam akhbar-akhbar utama. Pengurus akan memastikan ketepatan NAB seunit semasa yang dihantar kepada pihak akhbar untuk diterbitkan. Pengurus, bagaimanapun, tidak bertanggungjawab ke atas kesalahan di dalam NAB seunit semasa yang diterbitkan di dalam akhbar kerana ianya adalah di luar kawalan Pengurus. Sekiranya berlaku perbezaan NAB seunit semasa antara akhbar dan Pengurus, NAB seunit semasa Pengurus akan digunapakai. Di samping itu, NAB seunit semasa ASDI turut disiarkan di Radio Malaysia Terengganu setiap hari.

## PERKHIDMATAN PELANGGAN

Pihak Pengurus menyediakan khidmat pelanggan terhadap sebarang aduan dan permasalahan dari Pemegang Unit dan/atau sekiranya bakal-bakal pelabur berkehendakkan penerangan lanjut di atas sebarang kemusykilan. Aduan dan pertanyaan akan disalurkan kepada pegawai atau bahagian yang bertanggungjawab, bergantung kepada kategori aduan atau pertanyaan tersebut. Sila rujuk *muka surat 3* Prospektus ini untuk mendapatkan alamat Pengurus.

## SURAT IKATAN TABUNG

- Surat ikatan Bertarikh 24 Oktober 1994.
- Surat ikatan Tambahan Pertama Bertarikh 9 Mei 1996.
- Surat ikatan Tambahan Kedua Bertarikh 30 April 1999.
- Surat ikatan Tambahan Ketiga Bertarikh 25 April 2001.
- Surat ikatan Tambahan Keempat Bertarikh 14 April 2006.

## TAHUN KEWANGAN TABUNG

Tahun kewangan bagi ASDI berakhir pada 31 Oktober setiap tahun. Pengurus akan menghantar laporan setengah tahun dan laporan tahunan dalam tempoh 2 bulan selepas tempoh kewangan berakhir.

**Laporan Tahunan Tabung boleh diperolehi atas permintaan.**



## 12 DOKUMEN YANG BOLEH DIDAPATI UNTUK PEMERIKSAAN

Dokumen-dokumen yang boleh dilihat atau disemak tanpa dikenakan apa-apa caj di pejabat berdaftar Pengurus dan pejabat urusan Pemegang Amanah ialah:

- Surat Ikatan dan Surat Ikatan Tambahan Tabung;
- Prospektus ini dan prospektus tambahan atau gantian, sekiranya ada;
- Laporan-laporan Setengah Tahun dan Tahunan Tabung untuk tahun kewangan terkini;
- Setiap kontrak penting yang disebut dalam Prospektus ini dan, dalam kes kontrak tidak dalam bentuk bertulis, satu memorandum yang memberi butir-butir penuh kontrak;
- Penyata Akaun Diaudit Tabung dan Pengurus untuk tahun kewangan terkini dan tiga (3) tahun kewangan yang lepas;
- Laporan, surat atau lain-lain dokumen, penilaian dan kenyataan oleh pakar, mana-mana bahagian yang dipetik atau dirujuk di dalam Prospektus;
- Perintah dan kertas sebab untuk semua litigasi penting dan arbitrase yang dizahirkan di dalam Prospektus ini (jika ada); dan
- Mana-mana kenyataan keizinan yang diberi oleh individu/syarikat/firma yang dinamakan di dalam Prospektus.

### BUKU PENDAFTARAN UTAMA PEMEGANG UNIT

Satu Buku Pendaftaran Utama Pemegang Unit akan disimpan di mana maklumat-maklumat yang terkandung di dalamnya adalah seperti berikut:-

- nama, alamat, nombor kad pengenalan ataupun pasport dan negara asal Pemegang Unit; jikalau Pemegang Unit merupakan satu badan korporat, maklumat-maklumat yang diperlukan adalah nama syarikat, alamat berdaftar syarikat dan nombor pendaftaran syarikat tersebut;
- jumlah unit yang didaftarkan dengan setiap Pemegang Unit;
- tarikh di mana nama setiap individu didaftarkan sebagai Pemegang Unit (untuk tujuh (7) tahun yang lepas);
- tarikh di mana seseorang individu atau pihak itu telah berhenti menjadi Pemegang Unit (untuk tujuh (7) tahun yang lepas); dan
- writ dan kertas penyabitkan yang berkait hal ehwal pendakwaan/pertuduhan semasa.

Buku Pendaftaran Utama Pemegang Unit akan disimpan dan dijaga oleh Pengurus.

Pemegang Amanah dan/atau mana-mana Pemegang Unit adalah berhak untuk memeriksa Buku Pendaftaran tersebut secara percuma; orang-orang awam dibenarkan untuk memeriksa Buku Pendaftaran tersebut dengan membayar yuran yang berpatutan yang akan di tetapkan oleh Pengurus. Waktu untuk memeriksa Buku Pendaftaran adalah di antara 9 pagi hingga 4 petang pada setiap Hari Urusniaga.



Jikalau Buku Pendaftaran Utama tidak disimpan di dalam suatu bentuk di mana ia tidak boleh dibaca secara biasa, ia adalah mencukupi bagi Pengurus untuk mengeluarkan apa-apa penerangan yang boleh menjelaskan kandungan Buku Pendaftaran tersebut.

Setiap Pemegang Unit adalah dibenarkan untuk mendapat satu salinan Buku Pendaftaran setelah membuat permintaan kepada Pengurus dan membayar yuran yang dikenakan oleh Pengurus, tetapi sesalinan tersebut hanya boleh mengandungi maklumat seperti namanya, alamatnya, jumlah unit yang dipegang olehnya dan jumlah yang telah dibayar olehnya. Setelah membuat pembayaran yuran, Pengurus akan menghantar satu salinan Buku Pendaftaran kepada Pemegang Unit di dalam tempoh dua puluh satu (21) hari setelah menerima permintaan tersebut ataupun apa-apa tempoh yang difikirkan munasabah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Pengurus berkuasa untuk membuka cawangan pendaftaran di mana-mana negeri di dalam ataupun di luar Malaysia di mana maklumat seperti yang dikandung di dalam Buku Pendaftaran Utama boleh disimpan.

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**



Amanah Saham Darul Iman

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**



Amanah Saham Darul Iman

**Ruang ini sengaja dibiarkan kosong.**



Jenis Pelabur Tandakan (1) satu sahaja			
Pelabur Individu		Pelabur Korporat	
Individu Bernilai Tinggi (high net worth individual)		Pelabur Bertauliah (Accredited Investor)	
Entiti Bernilai Tinggi (sila nyatakan pilihan 'opt out') Ya / Tidak			

BORANG PERMOHONAN INI MERUJUK KEPADA PROSPEKTUS BERTARIKH 31 MEI 2017

### BORANG PEMBUKAAN AKAUN DAN PELABURAN

#### BAHAGIAN I – PENILAIAN KESESUAIAN PELABUR

Borang ini akan memberi panduan kepada anda dalam memilih produk pasaran modal tidak tersenarai yang bersesuaian dengan objektif pelaburan, toleransi kepada risiko, profil kewangan dan pengalaman pelaburan. Maklumat-maklumat yang diberikan akan membentuk asas kepada cadangan yang bakal diberikan. Adalah sangat mustahak untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap bagi memastikan kesesuaian produk pasaran modal tidak tersenarai yang dicadangkan adalah mengikut keperluan dan objektif pelaburan anda. Sebarang maklumat yang mengelirukan, tidak tepat dan tidak lengkap yang diberikan oleh pelabur akan memberi kesan ke atas cadangan yang diberikan dan dalam kes ini, PTB Unit Trust Berhad dan kakitangannya adalah tidak akan dibertanggungjawabkan di atas cadangan yang diberikan. Penilaian Kesesuaian Pelabur ini adalah dikecualikan sekiranya anda (a) adalah pelabur bertauliah atau (b) entiti Bernilai Tinggi yang memilih keluar dari tertakluk kepada penilaian kesesuaian ini. Bagi definisi "Jenis Pelabur", sila rujuk kepada Terma dan Syarat di borang ini.

Maklumat-maklumat yang diberikan adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

**NOTIS PENAFIAN : CADANGAN INI DIBUAT BERDASARKAN MAKLUMAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA UJIAN PENILAIAN KESESUAIAN. PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBUAT PERTIMBANGAN SEWAJARNYA DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN BERKAITAN TABUNG INI.**

#### 1. MENGENALI ANDA (Untuk dipenuhkan oleh pelabur individu sahaja)

		Pemegang Utama				Pemegang Bersama (jika berkenaan)			
1.1	Nama * sebagaimana kad pengenalan								
1.2	No Kad Pengenalan (Baru)								
1.3	No Kad Pengenalan (lama)								
1.4	Jantina	Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan	
1.5	Tarikh lahir & Umur	/ tahun				/ tahun			
1.6	Status Perkahwinan	Bujang		Berkahwin		Bujang		Berkahwin	
		Bercerai		Balu		Bercerai		Balu	
		Jumlah tanggungan :				Jumlah tanggungan :			
1.7	Warganegara								
1.8	Bangsa								
1.9	Pekerjaan (sekiranya bekerja sendiri, sila nyatakan jenis perniagaan)								
1.10	Tahap Pendidikan								
1.11	Pendapatan isi rumah (tahunan)	RM50,000 & ke bawah		RM150,001 – RM250,000		RM50,000 & ke bawah		RM150,001 – RM250,000	
		RM50,001 – RM150,000		RM250,000 & ke atas		RM50,001 – RM150,000		RM250,000 & ke atas	
1.12	No telefon	Pejabat				Pejabat			
		Rumah				Rumah			
		Bimbit				Bimbit			
1.13	Alamat email								
1.14	Punca Pendapatan	Pekerjaan		Perniagaan		Pekerjaan		Perniagaan	
		Simpanan		Pusaka		Simpanan		Pusaka	
		Lain-lain				Lain-lain			
1.15	Hubungan dengan Pemegang utama	Ibu bapa		Suami / Isteri		Ibu bapa		Suami / Isteri	
		Anak		Adik beradik		Anak		Adik beradik	
		Saudara-mara		Lain-lain		Saudara-mara		Lain-lain	
1.16	Jangkaan umur persaraan								

<b>2. KEPERLUAN PELABURAN ANDA</b> (untuk dipenuhi oleh PEMEGANG UTAMA sahaja)					
2.1	Jangkamasa pelaburan	Jangkamasa pendek (<3 tahun)	Jangkamasa sederhana (3 – 5 tahun)	Jangkamasa panjang (>5 tahun)	
2.2	Apa yang anda inginkan daripada pelaburan anda	Perkembangan Modal	Pendapatan Berterusan	Perlindungan Modal	
2.3	Tujuan pelaburan	Pengumpulan aset / simpanan untuk pendidikan anak-anak	Simpanan untuk persaraan	Pelaburan untuk pendapatan berterusan	
		Tidak tahu			
2.4	Rasional dalam memilih dana ini	Bersesuaian dengan jangkaan pulangan – risiko saya	Bersesuaian dengan objektif pelaburan saya	Memenuhi strategi pelaburan saya	
2.5	Cara Pelaburan	Sekaligus	Pelaburan berterusan	Sekaligus & berterusan	

### Kedudukan kewangan anda hari ini

2.6	Pendapatan bulanan	RM3,000 & ke bawah	RM3,001 – RM10,000	RM10,001 – RM25,000	RM25,001 dan ke atas
2.7	Purata komitmen kewangan bulanan	Di bawah RM1,000	RM1,000 – RM5,000	RM5,001 – RM10,000	RM10,001 dan ke atas
2.8	Kadar pelaburan berbanding aset anda	10% dan ke bawah	11% - 25%	26% -50%	51% dan ke atas

### TOLERANSI RISIKO ANDA

Soal selidik di bawah bertujuan untuk membantu anda memahami sikap, toleransi dan keupayaan anda untuk menghadapi risiko-risiko pelaburan. Sila jawab soalan-soalan berikut bagi membantu menentukan profil risiko anda dan membuat keputusan pelaburan yang sesuai. Sila bulatkan jawapan terbaik anda.

	Sangat bersetuju	Setuju	Neutral	Kurang Bersetuju	Sangat tidak bersetuju
1. Buat masa sekarang, saya tidak memerlukan satu aliran pendapatan tetap dari pelaburan.	5	4	3	2	1
2. Saya bimbang tentang kesan inflasi ke atas gaya hidup saya.	5	4	3	2	1
3. Saya boleh bertoleransi kepada risiko naik turun harga saham dalam jangkamasa pendek bagi mendapatkan pulangan yang lebih baik untuk jangkamasa panjang.	5	4	3	2	1
4. Sikap saya terhadap risiko adalah bebas. Saya tidak merasa bimbang apabila saya mengambil risiko.	5	4	3	2	1
5. Saya rela untuk melepaskan pulangan yang telah dijamin untuk peluang mendapatkan pulangan yang lebih besar.	5	4	3	2	1
6. Saya masih selesa untuk memegang pelaburan saya walaupun nilainya telah jatuh.	5	4	3	2	1
7. Saya menganggap diri saya adalah pelabur berpengalaman dan berpengetahuan mengenai potensi risiko-risiko dan pulangan yang berkaitan dengan pelaburan di pasaran kewangan.	5	4	3	2	1
8. Jangkamasa pelaburan saya boleh mencecah sehingga 10 tahun.	5	4	3	2	1
<b>Jumlah Mata Profil Risiko Anda</b>					

PROFIL RISIKO ANDA				
Konservatif		Sederhana		Agresif
Mata Profil Risiko: <25 Jangkaan pulangan : 4% - 6% setahun Jenis : Pendapatan / Pertumbuhan Modal Profil risiko menunjukkan bahawa anda hanya boleh bertolak ansur dengan risiko penurunan dan potensi kerugian modal yang rendah. Objektif pelaburan anda lebih terarah kepada penjanaan pendapatan dan mungkin sedikit pertumbuhan modal.		Mata Profil Risiko: 25 - 35 Jangkaan pulangan : 6% - 8% setahun Jenis : Pendapatan / Pertumbuhan Modal Profil risiko menunjukkan bahawa anda hanya boleh bertolak ansur dengan risiko penurunan dan potensi kerugian modal yang sederhana. Objektif pelaburan anda terarah kepada penjanaan pendapatan dan pertumbuhan modal.		Mata Profil Risiko: > 35 Jangkaan pulangan : 6% - 10% setahun Jenis : Pendapatan / Pertumbuhan Modal Profil risiko menunjukkan bahawa anda boleh bertolak ansur dengan risiko penurunan dan potensi kerugian modal yang tinggi. Objektif pelaburan anda terarah kepada pertumbuhan modal yang tinggi.

### 3. PENGETAHUAN / PENGALAMAN PELABURAN (untuk dipenuhi PEMEGANG UTAMA sahaja)

Pelbagai jawapan dibenarkan

	3.1 Saham Amanah ..... tahun		3.2 Opsyen / pasaran hadapan ..... tahun
	3.3 Saham di Bursa Malaysia ..... tahun		3.4 Lain-lain ..... / .....tahun
	3.5 Tiada pengalaman		

### 4. PEMAHAMAN ANDA MENGENAI TABUNG KAMI

		YA	TIDAK
4.1	Tahukah anda bahawa pulangan ASDI adalah tidak dijamin dan bahawa prestasi terdahulu bukan penentu prestasi masa depan?		
4.2	Tahukah anda bahawa TIADA jaminan bagi ASDI untuk membuat pembayaran pengagihan pendapatan setiap tahun?		
4.3	Tahukah anda bahawa harga unit amanah akan diselaraskan selepas pengagihan pendapatan menjadi "ex"? Walaubagaimanapun, jumlah nilai pelaburan anda masih tetap sama.		
4.4	Tahukah anda bahawa tidak semua dana unit amanah mempunyai tahap risiko yang sama kerana ada yang terdiri daripada dana ekuiti, dana bon dan dana pasaran wang?		

### 5. CADANGAN (untuk dipenuhi oleh Kakitangan Berkenaan)

Cadangan pelaburan dalam Tabung ini kepada pelabur	Ya	Tidak
Jika <b>YA</b> , sebab	Bersesuaian dengan profil risiko pelabur	Selari dengan objektif pelaburan pelabur
	Melengkapkan portfolio pelabur dalam memenuhi matlamat kewangan pelabur	Lain-lain (sila nyatakan)
Jika <b>TIDAK</b> , sebab	Tidak bersesuaian dengan profil pelabur	Tidak selari dengan objektif pelaburan pelabur
	Lain-lain (sila nyatakan)	

### 6. PERAKUAN PELABUR

Pegawai telah menerangkan ciri-ciri dan risiko-risiko Tabung ini dan saya memahami sepenuhnya	YA	TIDAK
Semua maklumat yang dinyatakan di sini adalah benar, lengkap dan tepat.	YA	TIDAK
Saya mengaku telah menerima sesalinan Lembaran Keterangan Produk dan dokumen yang berkaitan.	YA	TIDAK
<b>JIKA BERKENAAN</b>		
Saya menolak untuk memberikan maklumat tertentu bagi Borang ini dan ini mungkin akan memberi kesan terhadap penilaian kesesuaian saya.	YA	
Saya membuat keputusan untuk melabur Tabung ini walaupun ianya tidak dicadangkan kepada saya.	YA	

\_\_\_\_\_  
 Tandatangan Pemegang Utama  
 Nama  
 Tarikh



	INDIVIDU
	KORPORAT

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

No. Akaun :	No. Transaksi :	No. Resit :
-------------	-----------------	-------------

**BAHAGIAN 2 – BORANG PEMBUKAAN AKAUN – Individu / Korporat**

Mengikut keperluan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, borang ini tidak boleh diedarkan kecuali beserta dengan Prospektus dan Prospektus Tambahannya (jika ada). Pelabur adalah dinasihatkan supaya membaca Prospektus dan Prospektus Tambahannya (jika ada) sebelum melengkapkan borang permohonan ini.

*Sila penuhisikan borang dengan HURUF BESAR dan tandakan (✓) di petak berkenaan. Sila rujuk Terma dan Syarat di borang untuk panduan.*

**7.1 ALAMAT PEMOHON INDIVIDU**

Poskod	Bandar
Negeri	

**7.2 MAKLUMAT PEMOHON KORPORAT**

Nama Syarikat / Koperasi / Pertubuhan			
No Pendaftaran			Tarikh diperbadankan
Status	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Lain-lain
Jenis Perniagaan	Sendirian Berhad	Berhad	Perkongsian
	Milikan Tunggal	Pertubuhan / Kelab	Koperasi
	Kerajaan / Badan Berkanun		Lain-lain
Punca Pendapatan	Pelupusan aset / pelaburan		Tunai / Lebihan Tunai
	Lain – lain (sila nyatakan)		

**Orang untuk dihubungi - 1**

Nama	
Jawatan	
No Telefon	
Email	

**Orang untuk dihubungi - 2**

Nama	
Jawatan	
No Telefon	
Email	

**ALAMAT PEMOHON KORPORAT**

Poskod	Bandar
Negeri	

### BAHAGIAN 3 – PERMOHONAN PELABURAN

#### 8.2 PERUNTUKAN UNIT-UNIT

JUMLAH BAYARAN	CAJ JUALAN (5%)	JUMLAH BERSIH	NAB SEUNIT	JUMLAH UNIT
RM <input type="text"/>	RM <input type="text"/>	RM <input type="text"/>	RM <input type="text"/>	<input type="text"/>

*\* NAB – Nilai Aset Bersih*

#### 8.3 BUTIRAN PEMBAYARAN

<input type="checkbox"/>	TUNAI	RM <input type="text"/>
<input type="checkbox"/>	CEK / DERAJ BANK / WANG POS / PINDAHAN WANG No. <input type="text"/>	RM <input type="text"/>
	JUMLAH BAYARAN	RM <input type="text"/>

#### 8.4 ARAHAN PENGAGIHAN PENDAPATAN

Saya bersetuju untuk melabur semula pengagihan pendapatan mengikut harga yang ditetapkan.

Sila kreditkan pengagihan pendapatan ke akaun bank saya.

Nama Bank

No Akaun

*Sila sertakan salinan muka hadapan buku / penyata bank anda.*

#### 9.0 AKUAN PEMOHON

- \* Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami telah menerima, membaca dan memahami Prospektus, Lembaran Keterangan Produk dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan pelaburan ini.
- \* Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami mengetahui terdapat yuran dan caj yang dikenakan secara langsung atau tidak langsung apabila membuat pelaburan ini.
- \* Saya/Kami adalah berumur 18 tahun ke atas semasa membuat permohonan ini. Sesalinan Kad Pengenalan / Pasport dilampirkan.
- \* Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami tidak terlibat di dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang dan sumber pelaburan saya/kami bukan berpunca dari sumber-sumber haram dan jenayah.
- \* Saya/Kami berjanji untuk menyediakan maklumat dan dokumen yang mungkin diminta oleh PUTB sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.
- \* Saya/Kami memberi kebenaran kepada PUTB untuk menggunakan data peribadi saya/kami untuk urusan berkaitan pelaburan ini sebagaimana yang tertakluk di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- \* Saya/Kami mengakui butir-butir yang diberikan adalah benar, sekiranya terdapat maklumat palsu, permohonan ini dengan sendirinya akan terbatal.

Tandatangan atau Cap Ibu Jari  
Pemohon dan Pemohon Bersama

Tandatangan sah dan  
Cop Mohor Syarikat

Tarikh

<b>BAHAGIAN 4 – UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA</b>			
<b>Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi akaun baru</b>		<b>Diserahkan</b>	<b>Catatan</b>
<b>INDIVIDU</b>			
1.	Borang Pembukaan Akaun dan Pelaburan		
2.	Salinan Kad Pengenalan / Paspot		
3.	Penilaian Kesesuaian Pelabur		
<b>KORPORAT</b>			
1.	Borang Pembukaan Akaun dan Pelaburan		
2.	Salinan Kad Pengenalan - Lembaga Pengarah, dan Penandatanganan yang Dibenarkan		
3.	Borang 24 (Pemegang Saham Utama)		
4.	Borang 49 (Senarai Ahli Lembaga Pengarah)		
5.	Sijil Pendaftaran / Penubuhan (Borang 8 – Syarikat Awam; Borang 9 – Syarikat Sendirian)		
6.	Memorandum dan Artikel Syarikat		
7.	Resolusi Pengarah untuk membenarkan pelaburan		
8.	Resolusi Pengarah untuk penandatanganan yang dibenarkan		

*Nota : Salinan dokumen syarikat hendaklah disahkan oleh setiausaha syarikat/pesuruhjaya sumpah/notari awam*

#### **Saringan Pelabur**

Adakah pelabur disenaraikan di dalam Senarai Sekatan ISIL & Al-Qaeda dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?

( ) Ya ( ) Tidak

*Sekiranya Ya, sila maklumkan kepada Pegawai Atasan / Pegawai Pematuhan.*

Adakah pelabur merupakan individu yang mempunyai pengaruh politik (*politically exposed person (PEP)*)?

( ) Ya ( ) Tidak

#### **Kategori Risiko**

Berdasarkan langkah-langkah keseluruhan ketekunan wajar (CDD), apakah kategori risiko pelabur ini?

( ) Tahap Biasa (CDD) ( ) Risiko Tinggi (EDD) ( ) Terlalu Tinggi (Ditolak)

#### **Penandatanganan CDD yang diluluskan ( Tandakan (/) di mana berkenaan)**

( ) Dengan menandatangani borang ini, saya mengesahkan bahawa ketekunan wajar (CDD) telah dijalankan ke atas pelabur mengikut Manual Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan PUTB.

( ) Dengan menandatangani borang ini, saya mengesahkan bahawa ketekunan wajar (CDD) telah dijalankan ke atas pelabur mengikut Manual Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan PUTB, walaubagaimanapun kelulusan adalah bergantung kepada syarat-syarat berikut:

\_\_\_\_\_

( ) Berdasarkan maklumat yang diberikan dan pemeriksaan yang dilakukan, kami berpendapat pelabur ini ditolak sehinggalah kebimbangan kami diredakan. Pelabur ini ditolak di atas sebab berikut :

\_\_\_\_\_

Sila rekod maklumat-maklumat berkaitan, termasuk pemberian pengecualian dan pelepasan. Sekiranya terdapat penemuan negatif berkenaan PEP, sila rekod makluman kepada Pegawai Atasan / Pegawai Pematuhan dan tindakan yang diambil.

\_\_\_\_\_

#### **Kelulusan oleh Pengurusan Utama**

(untuk Pelabur Berisiko Tinggi)

Dengan menandatangani borang ini, saya dengan ini mengesahkan EDD telah dijalankan dan meluluskan pembukaan akaun bagi Pemohon ini.

\_\_\_\_\_  
Nama Kakitangan

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
Nama :

Tarikh :

## BAHAGIAN 5 – TERMA DAN SYARAT PELABURAN

Sila baca nota-nota ini dengan teliti sebelum memenuhiskan Borang Pembukaan Akaun dan Pelaburan. Anda dinasihatkan membaca dan memahami kandungan Prospektus, Lembaran Serlahan Produk dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan sebelum melabur di dalam ASDI.

### Kategori Pelabur

Kategori	Kriteria Kelayakan
Individu / Korporat	Mana-mana individu / korporat selain daripada Individu Bernilai Tinggi, Entiti Bernilai Tinggi dan Pelabur Bertauliah sebagaimana yang dinyatakan di bawah.
Individu Bernilai Tinggi	- Individu di mana jumlah aset peribadinya, atau bersama pasangannya, melebihi RM3 juta. - Individu yang mempunyai pendapatan kasar melebihi RM300,000 dalam tempoh 12 bulan - Individu dan pasangannya yang mempunyai pendapatan kasar bersama melebihi RM400,000 dalam tempoh 12 bulan
Entiti Bernilai Tinggi	- Korporat yang mempunyai jumlah aset bersih melebihi RM10 juta berdasarkan akaun diaudit yang mutakhir. - Perkongsian yang mempunyai jumlah aset bersih melebihi RM10 juta. - Syarikat yang didaftarkan sebagai syarikat amanah yang mempunyai aset yang diurus melebihi RM10 juta - Syarikat awam yang diluluskan oleh SC sebagai pemegang amanah di bawah CMSA dan mempunyai aset yang diurus melebihi RM10 juta - Dana Pencen yang diluluskan oleh LHDN di bawah Akta Cukai 1967 - Badan berkanun yang ditubuhkan oleh Parlimen atau Dewan Negeri
Pelabur Bertauliah – Dikecualikan dari melengkapkan Penilaian Kesesuaian Pelabur	- Bank Pusat Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Pusat Malaysia 2009 - Pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) - Pengarah eksekutif atau ketua pegawai eksekutif pemegang CMSL - Skim Unit Amanah - Dana Tertutup yang diluluskan oleh SC - Institusi berlesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Banking and Financial Institutions Act 1989 atau bank Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam Islamic Banking Act 1983 - Syarikat Insurans yang didaftarkan di bawah Insurance Act 1996 - Syarikat Takaful yang didaftarkan di bawah Takaful Act 1984 - Skim persaraan swasta sebagaimana yang dinyatakan di dalam CMSA

### Kelayakan

Pemohon utama mestilah berusia 18 tahun dan ke atas.

### Pemohon Bersama

- Pemohon Bersama boleh berumur kurang daripada 18 tahun pada tarikh permohonan.
- Jika pemegang unit yang berdaftar meninggal dunia, Pengurus dan Pemegang Amanah akan mengiktiraf individu yang hidup sebagai pemilik yang sah ke atas unit-unit tersebut. Sekiranya individu tersebut masih di bawah umur lagi, Pengurus dan Pemegang Amanah akan hanya mengiktiraf harta pusaka si mati yang namanya terdaftar sebagai pemilik pertama sebagai pemilik yang sah.
- Surat menyurat dan pembayaran akan dihantar kepada pemegang berdaftar pertama.

### Tandatangan Pada Borang

Borang permohonan hendaklah ditandatangani atau cap ibu jari kanan diturunkan oleh pemohon. Pemohon Bersama yang berumur di bawah 18 tahun tidak perlu menurunkan tandatangan pada borang. Bagi pemohon korporat, cop mohor atau cop rasmi syarikat hendaklah diturunkan dan nama jawatan penandatangan mestilah dinyatakan.

### Cara Bayaran

Pembayaran bagi unit-unit yang dipohon melalui cara deraf bank, wang pos, kiriman wang atau cek persendirian hendaklah dibuat atas nama PTB UNIT TRUST BERHAD serta dipalang "Akaun Penerima Sahaja". Wang tunai hanya boleh diterima apabila permohonan dibuat di pejabat Pengurus. Tiap-tiap pembayaran akan dikeluarkan resit sementara dan segala pertanyaan hendaklah dirujuk kepada resit berkenaan.

### Peruntukkan Unit-Unit

Unit-unit diperuntukkan mengikut jumlah wang yang diterima dan dikira berasaskan Nilai Aset Bersih seunit dan caj jualan semasa pada tarikh Pengurus menerima permohonan tersebut. Permohonan permulaan hendaklah tidak kurang daripada 100 unit dan pelaburan tambahan tidak kurang daripada 10 unit. Pengurus berhak menolak sebarang permohonan atau menerima sebahagian daripadanya.

### Tempoh Penilaian

Hak tempoh penilaian hanya diberikan kepada pelabur individu yang baru pertama kali melabur. Pengurus akan membayar balik wang pelabur berasaskan kepada pengiraan sebagaimana yang ditetapkan dalam Gari panduan Tabung Unit Amanah.

### Pengeluaran Penyata Pelaburan

- Pengurus akan mengeluarkan Penyata pelaburan tanpa apa-apa bayaran / caj sebagai pengesahan peruntukan unit-unit kepada pemohon.
- Penyata Pelaburan akan dikirimkan dengan pos biasa ke alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan. Pengurus tidak akan dilibatkan jika berlaku kehilangan Penyata Pelaburan tersebut.

### Pembayaran Pengagihan Pendapatan

Pengagihan Pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun bank pemegang unit yang didaftarkan. Bagi akaun-akaun bank yang didaftarkan mempunyai masalah seperti akaun tidak aktif, ditutup dan sebagainya; dan pelabur tidak menyelesaikan masalah akaun bank tersebut atau memberi nombor akaun bank baharu dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh pengagihan pendapatan, hasil pengagihan pendapatan mereka akan dilabur semula untuk dan bagi pihak mereka.

### PENYATA PENDEDAHAN RISIKO PEMBIAYAAN KEWANGAN UNIT AMANAH

**Melabur di dalam tabung unit amanah melalui pembiayaan kewangan lebih berisiko berbanding melabur dengan menggunakan wang simpanan anda sendiri.**

Anda hendaklah menilai sama ada pembiayaan kewangan adalah bersesuaian dengan anda serta menepati objektif, tanggapan kepada risiko dan kedudukan kewangan anda. Anda seharusnya maklum dan sedar tentang risiko-risiko yang akan dihadapi, termasuklah perkara-perkara berikut:-

- Lebih tinggi had pembiayaan (iaitu jumlah wang yang dipinjam bagi setiap ringgit dari wang anda sendiri yang dimasukkan sebagai pendahuluan atau cengkering) maka lebih tinggi kemungkinan untuk mengalami kerugian atau mendapat pulangan.
- Anda perlu menilai sama ada anda berkemampuan untuk membayar balik pembiayaan yang dicadangkan. Sekiranya pinjaman anda mengikut kadar faedah yang berubah-ubah, dan sekiranya kadar faedah meningkat, maka jumlah keseluruhan bayaran balik pembiayaan anda akan meningkat.
- Jika harga unit jatuh di bawah paras tertentu, anda mungkin diminta menyediakan cagaran yambahan yang boleh diterima atau membayar jumlah tambahan ke atas ansuran anda. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, maka unit-unit anda mungkin akan dijual balik bagi menyelesaikan pinjaman anda.
- Pulangan dari unit amanah adalah tidak dijamin dan mungkin tidak menentu mengikut masa. Ini bermakna bahawa pulangan mungkin tinggi pada sesuatu tahun dan pada tahun-tahun lain pulangnya mungkin mengalami kerugian. Sama ada anda menyedari atau tidak, pulangan atau kerugian boleh disebabkan oleh masa penjualan unit-unit anda. Nilai unit-unit mungkin jatuh apabila anda memerlukan wang anda semula walaupun pelaburan telah menunjukkan prestasi yang baik sebelumnya.

Kenyataan ringkas ini tidak dapat mendedahkan semua risiko dan aspek-aspek lain pembiayaan kewangan. Anda seharusnya meneliti dengan hati-hati syarat-syarat dan terma sebelum membuat keputusan mengambil pembiayaan. Sekiranya anda merasa ragu berhubung dengan sebarang aspek Penyata Pendedahan Risiko ini atau terma-terma pembiayaan kewangan, anda hendaklah merujuk kepada institusi yang menawarkan pembiayaan tersebut.

### AKAUN PENERIMAAN PENYATA PENDEDAHAN RISIKO

Saya mengesahkan bahawa saya telah menerima satu salinan Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Kewangan Unit Amanah dan memahami isi kandungannya.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
 Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
 Tarikh : \_\_\_\_\_